


**Jilid IV
No. 43**



**Hari Sabtu
24hb Februari, 1968**

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
6365]**

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1968—

Jawatan-kuasa:

**Kepala² 102, 127, 128, 130, 131 dan 132 [Ruangan
6380]**

Kepala² 103, 104 dan 105 [Ruangan 6399]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Sabtu, 24hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Yang Berhormat WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).

- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
 - „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
 - „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
 - „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
 - „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).
 - „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
 - „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).
 - „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).
 - „ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
 - „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
 - „ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).
 - „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
 - „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
 - „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
 - „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
 - „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
 - „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
 - „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jejebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

- Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., P.J. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- Yang Berhormat TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

Yang Berhormat DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasar Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARAH BIN LANGPAD (Sabah).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

BANTUAN DARIPADA DENMARK

1. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Perdana Menteri ada-kahe benar Kerajaan Malaysia menerima bantuan daripada Kerajaan Denmark dan jika benar, nyatakan angka bantuan ini dan dalam bidang apa bantuan ini akan di-salurkan dan yang akan di-kehendaki sangat oleh ra'ayat Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-

Pertua Malaysia telah menerima bantuan dua orang pakar untuk membuat satu kajian feasibility study berkenaan dengan menubuhkan tempat menyembelih binatang² atau *slaughter house*. Kajian ini telah di-siapkan dan kerja² merangka projek ini sedang di-buat oleh pakar² dari Denmark itu. Anggaran harga bantuan ini berjumlah lebih kurang \$1 juta.

Kerajaan Denmark telah juga menawarkan bantuan wang pinjaman sebanyak \$12 juta (Malaysia) untuk membeli barang² dan juga perkhidmatan² dari negara itu. Wang itu akan di-terima apabila barang² atau pun perkhidmatan dari Denmark itu telah di-beli dan jumlah yang boleh di-terima daripada angka \$12 juta itu pada satu²

masa bergantung-lah kepada harga pembelian barang² itu.

Pada masa ini kajian sedang di-buat tentang chara hendak menggunakan tawaran dan maksud-nya ia-lah kita menggunakan barang² dalam perkhidmatan dari Denmark itu bagi melaksanakan ranchangan² kemajuan dalam bidang pertanian, haiwan, perikanan, kesihatan, pengangkutan dan juga kuasa elektrik. Bantuan wang ini dan bantuan teknik ini ia-lah menurut chara² yang di-buat di-antara kita dengan negara² yang masok dalam Aid Malaysia Club dan negeri Denmark ada-lah sa-buah satu negeri yang menjadi ahli Aid Malaysia Club.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita memberitahu Dewan ini sa-hingga sa-takat ini apa-kah bahan² mentah yang di-kehendaki oleh Kerajaan Denmark daripada negeri ini untuk di-gunakan di-negeri Denmark?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dapat tahu hal ini lagi. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat berkehendakkan keterangan, saya boleh memberi keterangan nanti.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Timbalan Perdana Menteri memberitahu hutang yang di-tawarkan \$12 juta itu berapa peratus-kah bunga-nya?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya di-beritahu tidak ada apa² bayaran bunga di-kenakan dan ini amat-lah baik dan jarang² sa-kali kita dapati pertolongan yang samacham itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam negara² yang masok dalam Kelab Menolong Malaysia, berapa buah negeri-kah yang berhati baik saperti mana Denmark ini memberi hutang dengan tidak payah bayar interest.

Tun Haji Abdul Razak: Semua Ahli² Club ini berhati baik, tetapi sa-tengah-

nya ada lebeh baik daripada yang lain (*Ketawa*). Keseluruhan-nya ada-lah baik.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa negeri² yang menjadi Ahli Kelab Malaysia ini pernah bersungut bahawa mereka itu tidak tahu ada pehak² Pembangkang yang kuat di-dalam negara Malaysia ini.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, negara² ini tahu ada pehak Pembangkang, tetapi dia tahu Pembangkang di-dalam Dewan ini ada-lah sa-bahagian kechil dan tidak kuat (*Ketawa*).

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan, Kerajaan Kelantan meminjam wang Bank \$5 juta, ada-kah bayar bunga atau tidak?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada bayar bunga. (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ranchangan bantuan yang akan di-beri oleh Kerajaan Denmark ini, ada-kah akan meliputi pada negeri Kelantan?

Tun Haji Abdul Razak: Bantuan ini akan di-beri kepada ranchangan² Kerajaan Pusat. Saya tidak dapat hendak terangkan sama ada ada ranchangan negeri Kelantan atau pun tidak. Saya fikir harus tidak ada, kerana ranchangan² sangat-lah kurang di-negeri Kelantan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soal tambahan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar bahawa salah sa-buah negara yang menjadi anggota dalam Kelab Malaysia ini telah memberi bantuan kapal terbang ia-itu bagi Angkatan Udara di-Raja, yang salah sa-buah daripada-nya Timbalan Perdana Menteri hendak naik besok pergi ka-Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan apa itu. (*Ketawa*).

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, itu semua-nya tidak betul. Kapal terbang yang saya hendak pergi ka-Kota Bharu itu kapal terbang yang kita beli sendiri.

DIDEKAN AKHLAK TERHADAP KANAK² DI-SEKOLAH

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar satu puncha yang menyebabkan budak² menjadi jahat ia-lah, antara lain², guru² yang mengajar mereka melebehkan mengajar perkara² dari buku² dari memberi didekan akhlak, dan jika benar, oleh kerana guru² memainkan peranan penting, dalam mendidek kanak², apa-kah lagi tugas guru² terhadap kanak² ini sa-panjang yang berkaitan dengan menyatukan pelajaran dengan akhlak.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah mengemukakan satu soalan yang di-panggil dalam istilah Mahkamah sa-bagai "leading question" atau soalan yang membimbing. Saya tidak berapa pasti tentang apa-kah yang di-maksudkan-nya dengan "menjadi jahat" oleh kerana ada-lah di-aku² bahawa kanak² ada-lah nakal dari sa-mula jadi, dan ini tidak-lah berhubung langsung dengan sekolah. Berkenaan perkara memberi didekan akhlak, suka saya menegaskan ia-itu pengajaran Tata Ra'ayat ada-lah di-wajibkan di-sekolah² kita. Bagi murid² yang beragama Islam pengajaran Pengetahuan Ugama Islam di-adakan juga. Akhir sa-kali, tidak-lah benar jika di-katakan bahawa guru² kita "melebehkan mengajar perkara² dari buku²" oleh kerana sukatan pelajaran sekolah ada-lah menyediakan kegiatan² sokan dan lain² di-samping pelajaran² aka-demik.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, gemar saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini; ada-kah dia mengetahui di-tahun yang lalu di-sebabkan tujuan guru² tidak dapat di-laksanakan oleh Kerajaan dengan chara tidak melangsang telah mengarahkan budak² kita ini berarak di-jalan raya dan

menunjuk perasaan di-Pejabat² Kerajaan?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar berkenaan itu ada-lah di-jadikan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa salah sa-buah Sekolah Menengah dalam negeri ini yang mana guru besar-nya telah mengajar satu tindakan ka-atas murid yang berambut panjang a-la-beatle dan digunting-nya rambut budak itu dihadapan murid² itu. Jadi hal ini ada-kah di-persetujui oleh Kementerian atas tindakan guru besar ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, memang ada murid² rambut yang panjang, tetapi itu terpulang balek kepada guru besar menasihatkan kepada murid² yang berkenaan dan juga Kementerian saya sangat bersetuju jikalau semua guru² besar di-sekolah bekerjasama² menasihatkan kepada murid²; itu memang-lah satu jalan yang baik.

Tuan Ahmad bin Arshad: Apa-kah, Tuan Yang di-Pertua, langkah yang di-buat oleh Che'gu menggunting rambut budak² di-hadapan kawan²-nya itu—ada-kah di-persetujui oleh Kementerian ini? Itu yang saya tanya.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini terpulang kepada guru besar sekolah berkenaan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir langkah ini pada masa sekarang kurang molek, kurang sesuai dengan ada-nya macham ini murid² yang sudah meningkat tinggi itu dia malukan di-hadapan kawan²-nya, dari itu menanam satu perasaan, perasaan murid² itu benchi kepada guru² yang membuat tindakan sa-macham itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya itu, tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali dia benchikan rambut style "beatle" itu.

**KELAS² MALAM ANJORAN
PARTI RA'AYAT DAN PARTI
BUROH YANG TIDAK
DI-DAFTARKAN**

3. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran :

- (a) berapa buah kelas² malam anjoran Parti Ra'ayat dan Parti Buroh yang tidak di-daftarkan;
- (b) ada-kah tindakan telah di-ambl untuk menutup kelas² ini;
- (c) bila-kah kelas² ini mula di-tubuhkan;
- (d) apa perkara² yang di-ajar di-kelas² tersebut.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan (a) bilangan kelas² anjoran Parti Buroh yang di-ketahui tidak berdaftar ia-lah 151, dan bilangan kelas² anjoran Parti Ra'ayat pula ia-lah 30.

(b) pada masa ini tindakan dan penyiasatan sedang di-jalankan.

(c) oleh sebab kelas² yang berkenaan ini tidak di-daftarkan, maka tidak-lah di-ketahui dengan jelas-nya bila-kah kelas² ini di-tubuhkan.

(d) mengikut ma'lumat yang di-dapati oleh Kementerian saya perkara² yang di-ajar di-kelas² yang tidak di-daftarkan itu ia-lah seperti Bahasa Melayu, China, English, Ilmu Hisab, Ilmu Alam, Tawarikh, tetapi sa-lain daripada itu pelajaran² itu di-sulam pula dengan perkara² yang berupa politik.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Parti PAS hendak mengadakan kelas yang sumpama ini, ada-kah sedia Kementerian ini memberikan kebenaran?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, semua Parti² Politik, jikalau ada di-kelas² mengajar murid² mesti-lah dapat-lah kebenaran daripada Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Kerajaan akan membenarkan di-teruskan kelas² yang di-buka oleh Parti Buroh dan Parti Ra'ayat ini jika

mereka itu tidak mengajar perkara² yang kena-mengena dengan politik?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

BILANGAN PENUNTUT² UNIVERSITI MALAYA YANG GAGAL DALAM PEPEREKSaan TAHUN SATU (1966/1967)

4. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pelajaran boleh-kah beliau memberi :

- (a) bilangan penuntut² Universiti Malaya yang telah gagal dalam peperiksaan tahun satu Universiti Malaya dalam peperiksaan yang lalu;
- (b) berapa orang penuntut² yang gagal tetapi di-beri peluang meneruskan pelajaran mereka sa-tahun lagi dalam tahun pertama;
- (c) ada-kah benar Kerajaan telah membiaya² penuntut² yang gagal tahun satu itu melanjutkan pelajaran mereka keluar negeri dalam ilmu undang² dan ada-kah benar penuntut² Malaysia yang gagal dalam Universiti Singapura telah di-beri tempat belajar di-Universiti Malaya dan sa-balek-nya dengan belanja Kerajaan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan² kepada (a) dan (b) ada-lah seperti berikut :

**PEPEREKSaan² TAHUN PERTAMA,
1966/67 UNIVERSITI MALAYA**

<i>Fakulti</i>	<i>Jumlah chalan</i>	<i>Jumlah yang gagal</i>	<i>Jumlah benarkan meng- ulang</i>	<i>Jumlah tidak di- benar- kan meng- ulang</i>
Sastera	755	117	77	40
Pertanian	57	10	6	4
Kejuruteraan	86	4	4	—
Sains	188	26	15	11
Ekonomik dan Pentadbiran	127	19	15	4
Jumlah Besar	1,213	176	117	59

(c) Kementerian Pelajaran tidak pernah menghantar sa-barang penuntut yang tidak lulus dalam Peperiksaan Tahun Pertama di-Universiti Malaya ka-seberang laut untuk mempelajari ilmu undang² dengan biasiswa Kementerian saya. Universiti Malaya tidak akan menimbangkan permohonan untuk

memasuki sa-barang kursus, mithal-nya, Sains, jika chalun itu telah tiada lulus di-dalam kursus tersebut di-Universiti Singapura atau Universiti lain oleh sebab tempat² ada-lah terhad. Permohonan untuk memasuki kursus² lain dari chalun itu boleh di-timbang dengan syarat ada tempat. Perkara seperti itu jarang berlaku, mithal-nya, pada tahun lalu, hanya sa-orang sahaja penuntut ilmu undang² dari Universiti Singapura yang gagal di-dalam peperiksaan-nya yang di-beri tempat dalam kursus sastera.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar sama ada Universiti Singapura sekarang ada menawarkan tempat kepada penuntut² Universiti Malaya yang telah gagal dalam peperiksaan mereka di-sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Menteri Yang Berhormat menggambarkan apa-kah sebab² atau pun faktor² yang besar yang menyebabkan murid² tahun satu itu gagal?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ini satu common knowledge. Ada kala penuntut itu tidak luluskan mata pelajaran yang mustahak dalam-nya, jadi tidak dapat lulus-lah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, saya faham itu, tetapi yang kita berchakap ini dari segi penuntut² universiti, sebab penuntut² universiti itu sa-belum dia masok memang di-pilih dahulu, dan bagaimana murid² ini boleh gagal begitu? Mesti ada faktor² yang sa-lain daripada common knowledge itu. Jadi, ada-kah Menteri itu meletakkan kesilapan itu kepada common knowledge sa-mata² atau ada faktor² yang lain?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ini-lah satu fikiran daripada Ahli Yang Berhormat dari Bachok sahaja.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Adakah mahasiswa² yang tidak lulus dalam universiti itu oleh kerana mereka ini aktif dalam politik?

Tuan Lee Siok Yew: Belum ada.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Apa-kah tidak ada kawalan yang lebeh ketat bagi penuntut² itu supaya mereka tidak gagal, seperti mana yang telah lalu ada kawalan kepada penuntut² itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham apa-kah kawalan penuntut² itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Yang di-Pertua, kawalan ma'ana-nya supaya mahasiswa² bagi tahun yang pertama itu di-jaga tentang pelajaran-nya, masa dia mengulang pelajaran dan masa dia mengambil kegiatan² yang lain di-luar pelajaran pada tahun yang pertama. Sebab kalau dia terlalu banyak mengambil aktiviti di-luar pelajaran, maka ini satu daripada sebab menggagalkan dia. Tidak-kah ada satu tindakan daripada pehak universiti supaya penuntut² bagi tahun yang pertama ini di-kawal dengan rapi sa-hingga dia dapat meluluskan diri-nya di-dalam peperiksaan tahun yang pertama.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada-lah mengambil perhatian². Jika satu murid biasiswa itu tidak belajar yang sempurna, jadi, memang-lah kita ada tahu dan juga terpaksa-lah Universiti Malaya sendiri menjaga penuntut² itu.

Tuan Mohd. Idris bin Matsil (Jelebu Jempol): Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada di-antara penuntut² di-universiti yang gagal itu pernah di-ambil oleh Lembaga Letrik Negara, di-hantar ka-sa-berang laut dengan biasiswa Lembaga Letrik Negara dan ada-kah pengambilan daripada Lembaga ini sa-chara bebas tanpa berunding dengan Kementerian Pelajaran?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu soalan lain. Sunggoh pun N.E.B. atau pun L.L.N. ia-lah ada di-beri biasiswa kepada penuntut²; itu kita tidak-lah champor tangan.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, jadi, dalam kegagalan mahasiswa² ini, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa satu

daripada faktor-nya boleh jadi mahasiswa² ini ada-lah terdiri daripada mengambil bahagian sex, sa-lain daripada perkataan itu asmara; jadi, ada-kah dengan ini satu daripada perkara-nya yang boleh gagal mahasiswa itu.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat sendiri ada pengalaman.

Tuan Sim Boon Liang (Sarawak): Mr Speaker, Sir, as a member from East Malaysia, I would like to know the number of under-graduates from East Malaysia in the University of Malaya who have failed in the First Year Examination last year.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya minta-lah Ahli Yang Berhormat itu sampaikan soalan tambahan itu kepada saya dengan notis.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Kementerian ini membuat penyiasatan memberi sebab² yang sa-benar-nya mengapa murid² ini gagal sa-lain daripada common knowledge.

Tuan Lee Siok Yew: Boleh-kah Yang Berhormat ulangkan soalan itu?

Tuan Haji Muhammad Yusof bin Mahmud: Boleh-kah Kementerian ini memberi pengakuan supaya menyiasat lebeh lanjut lagi atas kegagalan murid² dalam tahun satu ini, sebab-nya mereka sa-lain daripada common knowledge.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, universiti² dalam dunia pun, mana universiti² pun ada penuntut² yang gagal. Bukan-lah semua orang yang masok universiti mesti-lah lulus. Jadi, ini-lah bukan terjadi di-negeri kita sahaja. Penuntut² belajar sa-berang laut pun ada gagal juga.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Soalan tambahan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Dapat-kah Menteri Muda Pelajaran menyatakan di-antara yang gagal ini, berapa banyak mahasiswa² laki² dan berapa banyak mahasiswa² wanita.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya, beri bantuan biasiswa² tidak kira laki² atau perempuan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tanya berapa bilangan mahasiswa² yang gagal itu yang laki², dan berapa perempuan—yang gagal tadi.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab perkara itu—Kementerian tidak kira laki² atau perempuan. Jadi, siapa gagal, siapa yang telah lulus bukan soal Kementerian saya.

ROMBONGAN MUHIBBAH PENUNTUT² UNIVERSITI MALAYSIA KA-INDONESIA

5. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pelajaran:

(a) bila-kah Kerajaan berchadang hendak menghantar rombongan muhibbah penuntut² Universiti Malaya ka-Indonesia sama seperti yang di-buat oleh Indonesia menghantar rombongan penuntut² Universiti Indonesia melawat Malaysia;

(b) ada-kah benar usaha² Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya untuk mengadakan rombongan muhibbah ini, kurang mendapat layanan dari pihak Kerajaan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

(a) pada masa ini ranchangan seperti itu tidak ada, akan tetapi, seperti yang terma'alum, penuntut² itu boleh pergi dengan sendiri; (b) saya tidak mengetahui tentang usaha² seperti itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sa-kira-nya ada permohonan daripada mahasiswa² ini untuk melawat Indonesia bahawa rombongan² dan meminta pertolongan daripada Kementerian Pelajaran, ada-kah Menteri Yang Berhormat boleh memberikan jaminan bahawa permohonan mereka itu akan mendapat layanan yang sempurna?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada penuntut² memohon kepada Kementerian mengenai perkara ini, memang-lah Kementerian saya akan menimbang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah layanan yang sa-macam itu akan di-timbang juga kepada mahasiswa² yang bukan daripada Universiti Malaya?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jikalau mahasiswa² bukan dari Universiti Malaya, dari mana—dari Kelantan? (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mithal-nya pelajar² bahagian Kolej, atau macham Muslim College, Klang, atau pun yang sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan-lah Mahasiswa (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jadi soalan-nya bagini, Tuan Yang di-Pertua—saya betulkan, Ada-kah Kementerian akan memberi layanan atau pun menimbang permintaan² daripada penuntut² di-Malaysia yang suka hendak melawat Indonesia?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu melawat ka-Indonesia dia memohon kepada Kementerian, Kerajaan kita akan menimbang juga.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian Pelajaran boleh menimbang suatu chadangan mengadakan pertukaran lawatan mahasiswa² dalam negara² di-dalam ASEAN, kerana saya tahu sekarang satu rombongan mahasiswa kita ada pergi ka-Manila? Jadi, kalau dapat di-ator satu ranchangan penukaran lawatan antara negara ASEAN, sa-kira-nya ada, baik, ada-kah Kementerian akan menimbang perkara ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan menimbang.

KEKURANGAN PENSHARAH² DAN PROFESSOR DI-UNIVERSITI MALAYA

6. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pelajaran benar-kah pensharah² dan professor² di-Universiti Malaya amat kekurangan pada masa ini untuk membuat research; jika benar, mengapa perkara ini berlaku dan apa-kah langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan dan pihak berkuasa Universiti untuk mengatasi hal ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi satu syarat di-dalam Perjanjian Perkhidmatan dengan Universiti Malaya bahawa sa-orang ahli daripada kakitangan akademik mesti-lah mengikuti sa-suatu pengajian dan membuat penyelidekan² asli sa-lain daripada mengajar, memeriksa dan lain² tugas Universiti. Oleh yang demikian semua kakitangan akademik ada-lah dan di-galakkan menjalankan kerja² penyelidekan dan menchatak penerbitan, akan tetapi patut-lah di-ingat bahawa sa-tengah² kakitangan di-jabatan² yang baharu mungkin tidak dapat memulakan kerja penyelidekan mereka sa-hingga jabatan² itu sempurna di-tubuhkan, kerana mereka mungkin sebok dengan ranchangan mengajar mereka. Dan lagi, kekurangan wang dan lain² faktor yang tidak dapat di-kawal oleh Universiti itu mungkin menghalang beberapa kakitangan dari menjalankan projek² penyelidekan yang tertentu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal ini berbunyi: Benar-kah pensharah² dan Professor² Universiti Malaya amat kekurangan pada masa ini untuk membuat research. Jadi, saya rasa soalan itu jawapan-nya terlalu panjang, chuma kita minta ada-kah benar professor² di-universiti sekarang ini atau pun pensharah² sangat kurang untuk membuat sa-barang penye-lidekan. Kalau benar, kata-lah benar; kalau tidak apa sebab-nya—itu-lah soalan-nya.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, apa sebab-nya, itu telah di-jawab.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak benar itu ada-kah tidak kurang atau sudah cukup?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, memang-lah ada benar sebab-nya telah di-jawab.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² LAGU KEBANGSAAN PERSEKUTUAN

Rang Undang² "suatu Act membuat peruntukan berkenaan dengan Lagu Kebangsaan Persekutuan" di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Dato' Haji Abdul-Rahman Ya'kub: Dalam meshuarat ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana bertimbang rasa atas masaalah persاوران tiap² Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang telah lama meninggalkan rumah-tangga mereka, saya dengan hormat-nya menchadangkan,

Ia-itu sungguh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) dan dengan tidak meminda ketetapan yang di-ambil pada 21hb Februari, 1968, Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan pada pukul 1 tengah hari, hari ini.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Ia-itu sungguh pun telah ada sharat² yang di-tetapkan dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) dan dengan tidak meminda ketetapan yang di-ambil pada 21hb Februari, 1968, Majlis Meshuarat ini di-tanggohkan pada pukul 1 tengah hari, hari ini.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha bagi menyambong sa-mula perbahathan berhubung dengan Anggaran Pempa-

ngunan, 1968, dalam Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis. (23hb Februari, 1968).

(*Meshuarat Jawatan-kuasa*)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1968

Jawatan-kuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala² 102, 127, 128, 130, 131 dan 132—

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam Kepala 127, Pechahan-kepala 2—Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah, dalam perkara tersebut, Menteri yang berkenaan sa-malam telah menyebut di-dalam ucapan-nya ranchangan² Penyatuan Tanah ini. Ini sangat-lah di-hargakan, tetapi apa yang saya suka menarek perhatian Menteri yang berkenaan ia-lah berkenaan dengan beneh² yang akan di-sampaikan kapada pemuleh² tanah ini. Oleh kerana dalam beneh² yang di-sampaikan kapada peserta² Penyatuan Tanah Sa-Mula ini kebanyakan-nya ada-lah merupakan satu beneh yang terpilih, satu beneh yang terbaik sakali, maka di-sini patut-lah kita amati dan kita awasi beberapa perkara yang tidak di-ingini boleh berlaku dan akan berlaku, kerana di-dalam pemilehan beneh² ini sering kali kalau kita teliti dengan halus berchampur, di-champorkan dengan beneh² yang tidak ada mengeluarkan hasil yang baik dan beneh² yang boleh di-katakan tidak begitu memuaskan. Jadi, saya berharap di-dalam menyampaikan beneh² ini kapada peserta² dalam Pemulehan Sa-Mula Tanah ini hendak-lah kita awasi dengan sa-halus²-nya.

Kepala 128, Pechahan-kepala 5—Penyiasatan Menentukan Galian. Usaha dan daya usaha ini yang telah di-jalankan oleh pihak Kementerian dan Kerajaan ini sangat-lah baik, tetapi apa yang saya harapkan supaya penyiasatan ini betul² merupakan penyiasatan bagi Kerajaan dan di-simpan oleh Kerajaan dan tidak pechah

dan tidak lulus kapada orang awam di-luar oleh kerana di-dalam penyiasatan ini, di-sini-lah puncha dan timbul-nya rasuah² yang bermaharajalela pada hari ini oleh berkehendakkan tempat mereka berlumba² chuba menchari dan menyiasat di-mana-kah tempat² dan tanah² yang ketentuan mendapat galian² yang terbaik. Jadi, saya berharap kapada Kementerian yang berkenaan lebeh² lagi kapada Menteri-nya, ia-itu perkara ini amatlah mustahak.

Perkara 130, Pechahan-kepala 2—Rumah² Buroh. Rumah² Buroh Jabatan Ukor, saya perhatikan di-Kampung Dato' Keramat elok dan sempurna, tetapi apa yang saya harapkan buroh² ini sering kali meninggalkan rumah-tangga mereka dan mereka akan pergi berjauh² dan meninggalkan rumah-nya yang lama. Apa yang saya harapkan rumah² yang akan di-bena ini hendaklah merupakan satu rumah yang terkawal, yang baik, kukoh dan tegoh. Oleh kerana memandangkan terpelihara-nya keluarga² mereka yang tinggal di-rumah dengan tidak ada ketua rumah dan sa-bagai-nya, kerana dalam kawasan² ini tidak ada mempunyai pagar dan tidak ada mempunyai pintu yang begitu kuat dan keselamatan² kurang sa-kali.

Kepala 131—Orang Asli, Pechahan-kepala 1 dan Pechahan-kepala 2. Saya rangkumkan kedua²-nya sa-kali, Dato' Pengerusi, kerana ini ada kait-mengait di-antara satu dengan lain. Dalam Pechahan-kepala 1, berkehendakkan peruntokan sa-banyak \$282,805. Usaha² Kerajaan ka-arrah ini sangat-lah memuaskan dan patut di-harga² dan kita menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Jabatan Orang Asli yang telah bekerja begitu pesat, tetapi apa yang di-harapkan di-dalam peruntokan kali ini patut-lah kita memandang ka-arrah satu segi supaya orang² Asli ini dapat membuat satu ranchangan di-kumpulkan satu Pusat Pemulehan Sa-mula di-tiap² daerah. Di-dalam kawasan saya ada 4, 5, 6 kawasan orang² Asli ini ia-itu Bukit Kemandor, Bukit Cheding, Tanjong Sepat, Telok Tungkah dan Kelanang. Maka orang² ini bertaboran tidak tentu ka-mana dan ka-arrah mana

mereka pergi. Satu ranchangan yang telah di-buat di-Tanjong Sepat, ini sangat-lah memuaskan, kerana mereka telah sedar, mereka telah mahu berkumpul dan menetap dan mengerjakan kebun-nya yang paling baik, terlebih baik daripada orang² kita yang biasa berkebun. Jadi, ini menunjukkan bahawa mereka mahu memulehkan diri mereka dan mahu kemajuan bagi diri mereka dan di-sini juga-lah, saya berseru supaya sekolah² bagi orang² Asli ini jangan-lah sa-takat mengadakan sekolah sahaja. Sekolah ini hendaklah juga di-lengkapkan sa-bagai sekolah² yang asing, kerana kita dapati di-dalam sekolah² ini hanya guru² sementara sahaja; guru tidak ada mempunyai latehan dan kita berharap guru² ini hendaklah kita hantar guru² yang telah terlateh dan guru² yang mempunyai semangat mendidik dan membangun kapada mereka, dan bagitu juga-lah guru² yang akan kita tempatkan di-situ, beri-lah guru² ini segala kemudahan. Adakan rumah-nya dan adakan segala²-nya untuk mereka dudok bersama dan diam bersama berchampur gaul dengan mereka supaya dapat mendidik mereka itu ka-arrah yang kita kehendakki.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong peruntokan² yang di-minta bagi pembangunan di-bawah Kementerian Kehakiman dan Kementerian Tanah dan Galian. Saya suka hendak memberi sedikit pandangan di-bawah Kepala 127, Pechahan-kepala 1—Ranchangan² Tanah Pinggir. Tuan Pengerusi, Ranchangan Tanah Pinggir ini merupakan sa-bahagian daripada ranchangan kemajuan tanah yang di-lancharkan oleh negara kita, dan tidak dapat di-nafikan bahawa ranchangan ini ada-lah menchapai sedikit sa-banyak kejayaan-nya dan telah memenuhi keperluan dan telah menghapuskan sa-bahagian daripada kedahagaan ra'ayat kapada tanah. Tetapi Ranchangan Tanah Pinggir ini, Tuan Pengerusi, ada-lah biasa-nya merupakan suatu kawasan terkumpul yang tidak berapa jauh daripada perkampungan di-mana sa-kurang²-nya 200, atau 300 atau 400 ekar tanah di-buka dan di-bahagikan kapada 5 atau 6 ekar kapada perserta²

yang chukup dengan sharat²-nya. Pada hemat saya, Tuan Pengerusi, kelaparan dan kedahagaan ra'ayat kepada tanah sangat besar. Saya rasa ranchangan² yang besar yang telah di-jalankan oleh Kerajaan baik Ranchangan F.L.D.A., baik Ranchangan Tanah Pinggir, baik Ranchangan Tarah Terkawal dan lain² lagi belum lagi dapat memenohi sa-penoh-nya kedahagaan dan kelaparan ra'ayat kepada tanah dan pada masa ini. Tuan Pengerusi, penganggoran di-kampung² maseh merupakan suatu masaalah yang besar kepada masaalah ekonomi negara kita ini.

Di-dalam kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, memang-lah banyak sangat pemuda² dan orang² kampung yang menganggor dan tidak ada pekerjaan dan susah hidup-nya dan tidak ada mata pencharian. Mereka memang minta memohon Ranchangan² Tanah Pinggir ini dan sa-bahagian daripada-nya mendapat, tetapi ada sa-bahagian yang lain yang maseh belum mendapat lagi dan masaalah penganggoran di-kampung² itu maseh belum dapat di-selesaikan, maseh merupakan masaalah yang besar. Saya suka membuat pengeshoran, Tuan Pengerusi, supaya di-samping mengadakan Ranchangan Tanah Pinggir ini jikalau pehak Kementerian Tanah dan Galian dapat menganjorkan kepada Kerajaan² Negeri atau memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri supaya membuka ranchangan² lain yang bukan Ranchangan Tanah Pinggir yang berkehendakkan 200 atau 300 ekar baharu di-buka. Tetapi saya rasa boleh di-namakan Ranchangan Tanah Kechil di-mana sahaja ada orang² kampung yang tidak ada tanah, yang menganggor yang tidak ada pekerjaan dan di-pinggir kampung atau berdekatan di-situ ada 10, 20 atau 30 ekar sa-kali pun diambil-lah 10 atau 20 orang² kampung itu, pemuda² atau orang yang tidak ada pekerjaan, yang tidak ada mempunyai tanah itu dan di-bahagikan mereka tanah² ini, maka dengan demikian sahaja-lah saya rasa kita dapat mengatasi dengan chara yang lebeh practical akan soal penganggoran di-kampung² dan soal kelaparan ra'ayat pada tanah ini. Pada saya, Tuan Pengerusi, penganggoran di-kampung² ini hanya boleh

di-buat dengan di-buka tanah dan di-buka sahaja. Tetapi jikalau di-buka tanah hanya menanti satu tempat yang luas 4,000 atau 5,000 ekar untok F.L.D.A., untok 400 atau 500 atau 600 ekar untok Ranchangan Tanah Pinggir, 100 atau 200 ekar untok Ranchangan Tanah Terkawal, maka ini belum dapat memenohi kehendak yang sa-benar-nya dan menyelesaikan masaalah penganggoran di-kampung² dan kelaparan² ra'ayat kepada tanah. Saya rasa di-mana ada orang yang tidak mempunyai tanah dan yang tidak ada pekerjaan di-kampung, dan di-situ ada tanah Kerajaan, kata-lah 10 atau 20 ekar di-buka terus tanah² ini dengan di-jadikan ranchangan² kechil. Ranchangan² tanah kechil ini, pada saya, Tuan Pengerusi, sa-rupa dengan ranchangan² kechil kemajuan di-mana ra'ayat hendakkan sa-buah perigi dan ra'ayat hendakkan sa-buah jetty kechil, di-mana ra'ayat hendakkan satu pembangunan culvert. Perkara yang kechil itu perlu untok mereka di-kampung walau pun kechil nama-nya, tetapi dengan tidak ada kemudahan² itu, pemuda² di-kampung itu tidak akan dapat menchapai maksud mereka dan kesenangan mereka itu. Inikan pula hal tanah ini, Tuan Pengerusi. Saya suka menchadangkan supaya di-anjorkan satu konsep baharu berkenaan dengan pembukaan tanah ini dengan membuka tanah² ranchangan kechil yang boleh mengambil semua atau sa-bahagian yang terbesar daripada orang yang tidak bekerja dan tidak ada pekerjaan dan yang menganggor yang tidak ada tanah di-kampung² itu. Saya rasa ranchangan yang di-jalankan di-negeri Perak pada masa ini dan saya suka memberi pujian-lah kepada negeri Perak yang chuba hendak melancarkan pada tahun ini ranchangan sa-bagai ini yang menguntokkan sa-banyak \$400,000 untok membuka tanah ranchangan² kechil ini, 10 atau 20 atau 30 ekar di-mana sahaja ada orang² yang tidak mempunyai tanah dan orang² yang tidak ada pekerjaan. Ranchangan yang di-jalankan oleh negeri Perak ini boleh menjadi chontoh yang baik yang patut di-anjorkan kepada negeri² lain bagi mengatasi soal penganggoran dan soal kelaparan ra'ayat kepada tanah

ini dan dengan chara ini, dengan chara Kerajaan menguntukkan sedikit sa-banyak peruntukan bagi ranchangan² ini, maka saya rasa kita telah melangkah ka-hadapan sa-tapak dalam mengatasi soal ekonomi negara kita ini. Perkara penganggoran ini, Tuan Pengerusi, memang soal yang sangat besar. Saya sendiri tiap² kali saya berada di-kawasan saya tidak kurang daripada 30 atau 40 orang tiap² hari datang menchari sokongan pada saya sa-bagai wakil kawasan itu untuk mendapat pekerjaan² di-mana² tempat mereka dengar ada pekerjaan kosong, tetapi memang sekarang pekerjaan² yang kosong ini terlalu sedikit maka memang tidak dapat memenohi dan tidak dapat mengatasi soal penganggoran ini walau pun wakil ra'ayat yang berkenaan memberi sokongan dan recommendation berapi² atau menyala² dalam surat sokongan itu. Hanya dengan chara membuka tanah² ranchangan kechil ini sahaja saya fikir satu jalan yang practical dan chepat bagi mengatasi soal penganggoran di-kampung².

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka menyentoh sedikit tentang Pechahan-kepala 2—Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah. Saya rasa Lembaga Pemulehan dan Penyatuan tanah ini ada-lah suatu bahagian yang terpenting daripada ranchangan pembangunan ekonomi luar bandar ia-itu bagi menjadi rakan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan lain² lembaga tanah lagi bertujuan hendak memberi taraf ekonomi yang lebeh baik kepada orang² di-luar bandar, kerana tujuan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah ini ia-lah untuk memulehkan mana² tanah yang tidak dapat berjalan dengan baik sa-lama ini di-mana² sahaja. Tuan Pengerusi, sapanjang masa sa-tahun yang akhir ini saya perchaya Lembaga Pemulehan Tanah ini sedang berjalan dengan baik, tetapi satu perkara sahaja pada segi Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah ini ia-lah warta berita yang tidak di-dengar oleh ra'ayat, saya rasa sa-bahagian yang terbesar daripada langkah kita untuk memberi pada ra'ayat kesedaran kepada ra'ayat memberi pimpinan ia-lah memberi sulohan kepada akan langkah² dan kemajuan

yang sa-benar-nya di-lakukan oleh Kerajaan bagi kebajikan mereka itu. Saya rasa ada beberapa sekim tanah yang telah di-serahkan kepada lembaga ini untuk di-jalankan pemulehan samula bagi memberi kebajikan kepada peserta² dalam ranchangan Pemulehan tanah itu. Ini satu kerja yang baik dan kerja yang sangat besar erti-nya kepada pembangunan ekonomi kita. Jadi saya rasa tentang segi seranta (publicity) tidak bagitu dapat di-dengar oleh orang ramai. Saya sendiri pun ingin hendak mengetahui sa-takat mana-kah sa-benar-nya gambaran daripada kerja² baik yang di-jalankan oleh Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah ini. Alang-kah baik-nya kalau dapat segi penerangan, segi penyiaran ini dapat di-ambil perhatian oleh pihak Kementerian ini atau oleh pihak lembaga ini supaya dapat ra'ayat menengok kemajuan yang di-jalankan oleh lembaga ini dalam talivishen-kah, dalam surat khabar-kah, kalau patut di-bawa rom-bongan² wartawan² melawat kawasan itu, di-bawa gambar² itu balek kepada orang ramai, dan tentu orang ramai akan dapat melihat dengan sa-benar-nya satu pada segi bahagian yang baik di-jalankan oleh Kerajaan bagi memajukan ranchangan ra'ayat dan kemajuan ra'ayat dan kemajuan tanah yang di-punyai oleh ra'ayat. Segi ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya rasa agak kurang sedikit dan saya rasa dalam sa-barang perkara soal publicity, soal penyiaran ini sangat penting. Jadi, untuk dapat memberi kesedaran kepada orang ramai akan perkara ini dan menambah semangat kerjasama dan semangat berusaha kalangan ra'ayat dalam menyokong segala ranchangan² Kerajaan yang baik.

Saya suka pula beraleh, Tuan Pengerusi, Kepala 132—Pechahan-kepala 2—Ma'mal Penyelidikan Kayu. Saya rasa suatu perkara yang harus kita akui ia-lah negara kita ini sa-buah negara yang mempunyai hasil kayu yang banyak. Dan hasil kayu ini sekarang merupakan hasil yang ketiga besar-nya dari negara kita ini. Erti-nya negara kita ini negara kayu-kayan, sebab itu saya suka pihak penyelidikan kayu yang di-jalankan ini kalau dapat di-selideki kayu² yang baik yang boleh

di-buatjadikan bahan bagi benaan dan bangunan² Kerajaan yang hendak dibena kerana kita sekarang ini sedang berlumba², Tuan Pengerusi, membuat benaan² yang tersergam indah semua-nya batu, semua architecture-nya baharu, yang moden, yang abstract atau tidak abstract macham² chara yang baharu, tetapi saya rasa dalam kita membuat bangunan² ini kita harus jangan lupa kan kepada bahan kayu-kayan. Ada sa-tengah² bangunan Kerajaan yang perlu kalau kita buat dengan kayu yang baik yang boleh tahan. Saya tertarek hati. Tuan Pengerusi, kapada satu bangunan Kerajaan di-buat di-Pahang, di-Kuantan ia-itu bangunan rumah tompangan baharu di-Telok Chempedak, Kuantan yang semua-nya di-buat daripada kayu—kayu yang baik. Lantai-nya, dinding-nya, atap-nya semua-nya dari kayu. Satu benaan baharu moden dan menarik bahawa menunjukkan Pahang sabuah negara yang banyak mengeluarkan kayu dan benaan Rest House atau Rumah Tompongan baharu ini yang baik dekat dengan padang golf yang baharu di-buat di-sana dengan semua bahan daripada kayu, hingga saya difahamkan paku pun di-buat daripada kayu. Saya rasa ada benaan² Kerajaan yang tidak besar yang boleh di-buat dan kalau di-adakan penyelidekan yang betul yang boleh di-jadikan bahan bagi benaan² ini menjadi simbol, menjadi suatu simbol kapada Malaysia memberi image baharu bahawa Malaysia ini satu negara kayu-kayan dan ini satu benaan yang semua di-buat daripada kayu yang boleh tahan lama, sa-kian lama yang menurut penyelidekan di-buat oleh Pusat Penyelidekan Kayu kita di-Kepong ini. Jadi dengan chara ini saya rasa kita dapat memberi suatu dorongan baharu kapada negara lain untuk mengimpot kayu-kayan daripada negara kita lebeh banyak kerana mereka tertarek bahawa hingakan Malaysia sendiri benaan² rumah Kerajaan yang tertentu ada di-buat dengan kayu yang baik. Telah di-selideki akan mutu dan nilai-nya sa-hingga merupakan suatu simbol baharu bagi pembangunan dan kejayaan di-Malaysia.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jangan-lah chakap panjang sangat, kita tidak ada masa lagi.

Tuan Othman bin Abdullah: Saya mengambil masa yang pendek sahaja. Saya mengambil kesempatan mengalu²-kan juga peruntukan perbelanjaan Kementerian yang berkenaan ini. Pertama sa-kali saya berchakap berkenaan dengan Kepala 127—Bantuan kapada Tanah Pinggir. Saya mengambil kesempatan di-sini dengan sa-penoh²-nya menguchapkan sa-tinggi tahniah dan terima kaseh di-atas bantuan Kerajaan Pusat kapada Kerajaan Negeri untuk memajukan tanah pinggir di-dalam negeri Perlis, kerana kita sedia ma'alum bahawa tanah² di-negeri Perlis mengikut penyiasatan ahli² dan pakar berhubung dengan tanah nampak-nya tidak lang-song sesuai untuk di-jadikan tanah dalam Rancangan F.L.D.A. dan yang demikian tentu-lah banyak ra'ayat negeri Perlis telah berpindah ka-Pahang mendapatkan tanah F.L.D.A. di-sana. Dengan itu di-sini saya menguchapkan juga terima kaseh kapada Kerajaan Pahang telah dapat menerima ra'ayat negeri Perlis yang dahagakan tanah untuk berpindah ka-sana. Itu-lah yang saya katakan bahawa pehak saya dan pehak ra'ayat negeri Perlis terhutang budi kapada Kerajaan Pusat yang telah memberi bantuan ini kerana dengan bantuan yang tersebut itu maka dapat-lah ra'ayat negeri Perlis memileki sadi-kit sa-banyak tanah² dalam rancangan Kerajaan.

Perkara yang kedua yang saya hendak chakapkan ia-lah berkenaan dengan perkara 128 ia-itu berhubung dengan Penyiasatan Menentukan Galian. Tuan Pengerusi, saya sangat tertarek hati mendengar rancangan daripada Kementerian ini yang hendak menyiasat dengan luas berhubung dengan tempat² galian dan saya mengalu²kan pegawai² penyiasatan tersebut itu bertumpu kapada negeri Perlis. Kerana sa-bagaimana saya sudah sebutkan semalam bahawa chara² pelombongan di-dalam negeri Perlis yang sa-lama ini ada-lah melombong di-dalam bukit² yang beribu² kaki masok ka-dalam, tetapi mengikut penyiasatan yang baharu² ini ada tanda² yang menunjukkan yang

bijeh² timah dalam negeri Perlis itu berada di-tanah pamah dan kalau diselidiki mengikut penyiasatan itu lagi maka bijeh timah itu boleh di-lombong sa-hingga ka-dalam laut. Jadi, kalau penyiasatan ini di-jalankan terus menerus, saya perchaya sumber² ekonomi untuk hasil negeri akan dapat bertambah² lagi dan boleh jadi ra'ayat bumiputra akan tumpang mengusahakan dalam hal yang tersebut itu.

Berhubung dengan hal bijeh dalam negeri Perlis ra'ayat² bumiputra telah pun membuat permintaan² dan telah banyak ra'ayat² negeri Perlis dapat permit atau pun di-namakan prospecting permit dan oleh sebab pada masa² yang lalu tidak ada penyiasatan yang teliti sa-bagaimana ranchangan pada hari ini, maka pemilek² prospecting licence itu terpaksa menyerahkan permit mereka kepada kompani² lombong yang konon-nya suka hendak melombong di-Perlis. Apa yang telah berlaku beberapa orang telah hampa begitu sahaja, kerana prospecting licence itu telah di-ambil oleh pehak kompani lombong itu sa-hingga sa-tahun lebeh dan ada sa-tengah daripadanya hingga mati dan di-baharu² sa-mula bertahun² lama-nya. Jadi, dengan sebab itu-lah yang saya katakan tadi bahawa dengan langkah Kerajaan kita ini akan dapat menolong pemilek² prospecting licence yang sentiasa hampa saperti yang saya katakan tadi. Beberapa orang telah menemui saya, memberitahu dan mema'alumkan hal ini bahawa mereka kerugian sahaja membayar prospecting licence \$100 sa-tahun itu dan prospecting licence itu telah di-chuaikan oleh pehak kompani ini dan dengan tindakan yang tidak jujur daripada kompani ini juga telah menyuruh orang lain membuat permintaan di-atas tanah itu juga, maka demikian-lah kita dapati sekarang ini berpuluh² pemohon yang bertindeh² yang tidak dapat di-selesaikan oleh Kerajaan Negeri Perlis sekarang ini. Kalau sa-kira-nya pehak Kementerian berkehendakkan nama kompani lombong yang membuat provokasi itu, boleh-lah saya beritahu kepada beliau, kerana kompani itu sentiasa berpura² dengan pendudok² bumiputra yang mengaku akan menolong bumiputra tetapi sa-balek-nya.

Sa-lain daripada pelombongan bijeh timah ia-itu di-tanah dataran yang berhampiran dengan kaki Bukit Wamu dan juga berhampiran dengan daerah² bukit yang ada di-hutan simpanan Bukit Bintang dan di-daerah² yang bersempadan, ada lagi satu tempat pelombongan besi dalam negeri Perlis. Pada masa kedudukan Jepon dahulu pehak yang tersebut itu telah mula berusaha ia-itu di-daerah, kalau saya tidak silap, ia-itu di-daerah Bukit Kayu Chabang dan daerah² yang lain yang berhampiran dengan itu ia-itu daerah Rimba Mata Ayer ada di-dapati bijeh besi yang terbaik sa-kali tetapi oleh sebab peninggalan pendudukan Jepon ini, maka tempat² tersebut itu tidak dapat di-beri lagi. Kalau sa-kira-nya penyiasatan dalam Jabatan ini di-jalankan terus menerus maka saya perchaya dan penoh yakin bahawa bijeh besi akan di-dapati di-dalam negeri Perlis.

Tuan Pengerusi, saya suka berchakap di-dalam perkara 132 berhubung dengan Kehutanan. Apa yang saya katakan tadi bahawa negeri Perlis amatlah kekurangan tanah dan terpaksa ra'ayat² negeri Perlis berhijerah ka-negeri Pahang kerana hendak mendapat tanah, tetapi bagaimana pun negeri Perlis tidak-lah begitu kurang tanah² *rinchit*, tanah² yang berbaki kalau sa-kira-nya di-siasat dengan teliti dan saksama dan di-jalankan pentadbirannya dengan begitu lichin. Satu daripada perkara yang saya shorkan kepada pehak yang berkenaan supaya menyiasat balek kedudukan hutan simpanan dalam negeri Perlis. Hutan simpanan saya maksudkan itu ia-lah Hutan Simpan Sungei Mata Ayer ia-itu di-daerah utara negeri Perlis. Di-sana terdapat satu kawasan yang sa-luas lebeh kurang 800 ekar yang tidak sesuai langsung di-simpan untuk mengadakan tempat tanaman, tanaman samula hutan di-sebabkan tanah itu sesuai untuk di-jadikan sawah padi. Dengan yang demikian, kalau sa-kira-nya tanah itu benar² tidak sesuai untuk di-simpan atau untuk di-jadikan hutan simpanan, untuk bertanam kayu, elok-lah hutan itu di-buka untuk dijadikan tanah pinggir ia-itu tanah pinggir

sawah padi dengan mendapat bantuan dan dorongan daripada Kerajaan.

Lagi satu tempat ia-itu di-kawasan hutan simpan Bukit Bintang ia-itu di-Jalan Kulim Ayer berhampiran dengan padang golf, di-sana saya dapati hutan simpanan itu tumbuh dengan pokok² kechil bagitu sahaja. Tempat ini boleh di-jadikan kampong halaman dan boleh di-jadikan sawah padi, lebeh² lagi kawasan itu boleh bertanam dengan tembakau Rothmans, kerana di-situ-lah yang banyak sa-kali di-tanam dengan tembakau Rothmans. Saya rasa hutan simpanan ini juga perlu di-kaji dan di-siasat dengan teliti kalau sa-kira-nya mustahak, dan saya rasa mustahak supaya tanah simpanan ini di-buka dengan sa-berapa chepat-nya dan boleh-lah di-bahagi²kan kapada ra'ayat yang laparkan tanah dan terutama sa-kali kita hendak utamakan kapada peladang² yang tanah mereka berat² relong luas-nya itu di-ambil oleh Kerajaan di-jadikan padang golf. Kalau sa-kira-nya hutan simpanan itu di-buka dapat-lah kita gantikan kerugian tanah ra'ayat yang beribu² ringgit yang di-ambil oleh Kerajaan kerana di-jadikan padang golf itu. Jadi, kalau sa-kira-nya hutan simpanan itu di-buka dengan chepat di-beri ganti kerugian mereka itu maka akan lapang-lah penang-gongan mereka itu dan sungutan mereka itu yang berlaku pada sa-tiap masa.

Sa-lain daripada itu, satu kawasan lagi yang saya shorkan supaya Kerajaan dan juga pehak Kementerian menumpukan perhatian ia-itu kawasan yang penoh dengan hasil bijeh dan penoh dengan hasil² kayuan ia-itu di-sa-buah tempat yang di-namakan Ruang Kelian. Ruang Kelian ini letak-nya terpenchil di-tengah² ruang di-kelilingi bukit² yang tidak ada langsung jalan perhubungan yang baik kechuali dengan memasoki di-dalam gua lubang ia-itu lubang bijeh menerusi di-ruang tangga. Beberapa orang Menteri² termasuk Yang Teramat Mulia Tunku, Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak, Tun Tan Siew Sin dan baharu² ini Yang Berhormat Dr Lim Swee Aun telah pun melawat ka-tempat itu dan memerhatikan keadaan² tempat itu yang

mana memang-lah satu tempat yang sangat² sesuai mengeluarkan sumber² ekonomi yang banyak, terutama sa-kali kayu dan boleh juga melombong bijeh² dan juga tanah² itu boleh di-bagi²kan kapada ra'ayat yang laparkan tanah.

Apa yang saya suka hendak menarek perhatian pehak Kementerian yang berkenaan ia-lah jalan untuk lalu ka-Ruang Kelian tadi ini ia-lah menerusi dalam bukit. Beberapa shor telah pun di-chakapkan atau pun di-shorkan oleh pehak wakil Dewan Negeri dan juga pehak² yang berkenaan termasuk Dato' Menteri Besar mengshorkan Bukit Tangga itu di-buka supaya dapat di-jadikan jalan terus-menerus, dan dengan ada-nya jalan menerusi bukit ini maka dapat-lah lalu segala pengang-kutan² lori dan menyenangkan per-jalanan orang ramai, dan dengan chara yang tersebut itu maka dapat-lah negeri Perlis menambahkan sumber ekonomi yang lebeh banyak lagi.

Saya perchaya dengan shor² saya ini kalau dapat di-jalankan dengan bersunggo² oleh pehak Kerajaan maka akan dapat menambahkan satu jiwa baharu dan semangat baharu kapada ra'ayat negeri Perlis ka-arah meninggi-kan ekonomi-nya sendiri.

Pada akhir-nya saya suka hendak menyentoh satu perkara, ia-itu penga-wal tanah yang di-tepi laut. Negeri Perlis pada masa yang lalu luas-nya 316 batu persegi tetapi sekarang mengikut perangkaan yang baharu telah menjadi 310 batu persegi, satu daripada sebab-nya ia-lah di-sebabkan tanah di-tepi laut itu sentiasa runtuh oleh ayer laut terutama sa-kali daerah Sungai Gombang, Sungai Baru dan sa-bagai-nya. Jadi sampai berbatu² jauh-nya tanah telah habis di-makan oleh ayer laut dan habis tanah² bendang yang berhampiran di-situ dan ada tanah² bendang yang berhampiran di-situ sa-hingga sekarang tidak dapat di-usahakan kerana kemasokan ayer masin. Saya minta pehak Kementerian yang berkenaan menyiasat bagaimana chara untuk mengatasi keruntohan tanah² yang di-tepi laut itu. Kalau mustahak ia-itu di-buat bund dan sa-bagai-nya supaya tanah² ra'ayat tidak

bagitu rugi dan keluasan negeri Perlis tidak berkurangan dari sa-tahun ka-satahun.

Dato' Haji Hussein bin Mohd. Noordin (Parit): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit Kepala 132—Perhutanan, Pechahan-kepala 3—Dapor Pengeri—Depot Kayu, Kuala Lumpur. Oleh kerana perusahaan² atau fekteri² telah berada di-dalam negeri kita ini untuk mengeringkan kayu atau meminyakkan kayu, maka saya berpendapat depot kayu di-Kuala Lumpur ini tidak lagi mustahak di-adakan, kerana apa yang saya faham Timber Depot di-Kuala Lumpur ada-lah pendidekan untuk bagaimana kita hendak menggunakan kayu supaya penggunaan itu boleh memakai dan tahan lama atau masa yang panjang, tetapi dengan adanya perusahaan² bersendirian yang telah berada di-dalam negeri kita ini, maka saya dapati banyak² kayu walau pun kayu di-gunakan untuk rumah² murah di-bangunkan oleh Kerajaan tidak lagi membeli kayu daripada Depot di-Kuala Lumpur ini.

Dahulu-nya ada dua Timber Depot di-dalam negara kita ini, satu-nya di-Ipoh dan satu lagi di-Kuala Lumpur. Oleh sebab kerugian di-Ipoh, maka Depot di-Ipoh itu telah pun di-tutup, oleh itu saya shorkan kepada Kementerian ini oleh sebab MARA sekarang telah berusaha pula menjalankan perusahaan kayu balak sa-chara besar²an, maka saya fikir elok-lah Kementerian ini serahkan perkara ini kepada MARA.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon memberi jawapan atas beberapa masalah yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat.

Berkenaan dengan masalah Orang² Asli memang-lah menjadi polisi Kerajaan Perikatan kita untuk meninggikan taraf kehidupan Orang² Asli seperti juga taraf kehidupan ra'ayat² lain dalam negara kita ini. Saya sangat berasa bangga dan menguchapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan di-sini, rakan saya, bahawa dalam permohonan untuk Anggaran Belanjawan ini-lah harus-nya satu

Jabatan yang permohonan yang tidak di-potong langsung oleh pihak per-bendaharaan, kerana Kerajaan sunggoh mengetahui bahawa sangat penting kita memberi ranchangan dengan sa-berapa segera-nya kepada Orang² Asli. Masalah² yang telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ada-lah masalah butiran² dan ini akan saya rundingkan dengan pegawai² yang berkenaan bagi dapat di-laksanakan dengan sa-berapa segera akan saya laksanakan menerusi Jabatan Orang Asli.

Berhubung dengan Mahkamah tidak-lah perlu saya menerangkan lagi lebeh panjang di-sini; dalam ucapan saya pada petang kelmarin saya telah pun memberi penjelasan yang chukup terang, kita memang mahu semua Mahkamah mempunyai bangunan baharu, tetapi kita terpaksa mengkaji semua ranchangan ini daripada segi kepentingan seluruh negara. Tahun ini kita dapat membena tiga buah rumah Mahkamah baharu dan perbaiki beberapa buah Mahkamah lagi, dan tahun hadapan kita akan membena bangunan² lain.

Daripada segi penyiasatan lombong² atau pun bijeh², atau pun bahan lain dalam negara kita, saya mengaku bahawa pekerjaan ini pada masa ini tidak begitu pesat seperti yang kita kehendaki, oleh kerana kekurangan daripada pegawai² dalam Jabatan yang berkenaan itu—Jabatan Kajibumi samata²-nya kerana pegawai² tidak men-chukupi. Saya telah menerangkan dalam Anggaran Belanjawan biasa bahawa Jabatan Kajibumi ini kekurangan 50% pegawai². Sunggoh pun demikian mereka telah bekerja dengan sa-berapa boleh-nya untuk mencari hasil² bumi yang lain sa-lain daripada bijeh.

Di-Seremban pula memang ada penyiasatan, sunggoh pun tidak rapi telah di-adakan dahulu-nya, dan sekarang di-Negeri Sembilan satu penyiasatan khas sedang di-adakan dengan memandang berat economy geology di-utara Seremban dalam kawasan Kuala Klawang sa-hingga kasempadan Negeri Pahang. Penyiasatan ini ada-lah di-selenggarakan dari

Bentong, Pahang. Walau bagaimana pun satu Pejabat Kajibumi yang baharu akan di-dirikan di-Seremban dari peruntukan ini kelak dan akan siap pada bulan hadapan. Pejabat ini kelak akan menjadi asas bagi penyiasatan seluroh Negeri Sembilan.

Berhubung dengan Lembaga Pemulauan dan Penyatuan Sa-mula Tanah, saya mengaku tegoran Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, kalau saya tidak salah tadi, bahawa penyiaran atau pun publicity-nya telah sangat berkurangan. Tuan Pengerusi, saya pada mula²-nya enggan memberi penjelasan mengenai perkara ini di-sini, kerana apabila menyentuh masaalah *publicity* itu akan banyak-lah timbul beberapa perkara² yang sangat² tidak di-ingini. Bagi diri saya, saya telah sengaja tidak memberi beberapa *publicity* bukan kerana tidak mahu memberi penerangan kepada Ra'ayat sakalian, tetapi memandang daripada segi² akibat² salah faham yang harus timbul, kerana tiap² *publicity* yang akan di-keluarkan oleh Kementerian itu mesti-lah ada kaitan dengan chara kerja² yang di-buat oleh Menteri yang bertanggung-jawab. Jadi, kalau banyak sangat publicity di-beri kepada ra'ayat nanti akibat-nya harus ada tuduhan² yang timbul. Sayugia-lah kepada *publicity*—ini saya enggan berbuat demikian. Bagaimana pun dengan sa-beberapa boleh-nya di-masa² yang akan datang, jika Ahli Yang Berhormat itu menghendaki penjelasan yang lebeh banyak lagi mengenai lembaga ini, saya sangat bersukachita menentukan satu tarikh supaya beliau dapat datang ka-Pejabat Lembaga ini berkenaan perkara tersebut di-Jalan Gurney supaya dia mengetahui dengan sa-lanjut-nya bagaimana pegawai² kita menjalankan tugas mereka dalam Lembaga yang berkenaan itu.

Berhubung dengan Timber Depot yang baharu sahaja di-sentuh oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Parit, keputusan telah di-ambil supaya Timber Depot di-Kuala Lumpur ini diserahkan kepada MARA. Keputusan ini kalau saya tidak salah, di-ambil dalam tahun 1967 dan sekarang Kementerian saya sedang di-dalam perundingan dengan MARA. Beberapa minggu

dahulu dalam satu perjumpaan di-antara Pengerusi, MARA, Yang Berhormat Senator Abdul Ghafar bin Baba, perjumpaan di-antara dia dengan saya, masaalah ini telah di-timbulkan. Saya sangat² bersetuju supaya MARA mengambil alih Timber Depot ini. Sapatut-nya ini Timber Depot di-tutup lebeh awal lagi saperti juga Timber Depot di-Ipoh, tetapi memandang daripada segi pekerja² yang bekerja di-situ dan juga kemungkinan MARA akan mengambil alih Timber Depot itu, maka perkara ini telah di-tanggohkan. Dengan hal yang demikian, saya sangat²-lah bersukachita mendengar bahawa sekurang²-nya sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini menyokong tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan dalam perkara ini.

Berhubung dengan masaalah Tanah Pinggir, Tuan Pengerusi, memang Kerajaan Pusat sangat² menjaga berkenaan dengan wang bantuan yang diberi kepada Kerajaan Negeri. Jikalau Kementerian saya tidak yakin bahawa wang itu dapat di-jaga dengan rapi-nya, dapat di-gunakan untuk maksud yang di-khaskan oleh Dewan ini, maka Kementerian saya tidak akan melepaskan wang itu. Saya pada hari kelmarin apabila menyentuh tentang beberapa masaalah ranchangan itu gagal, chuma menerangkan kepada keseluruhan-nya bahawa kebanyakan daripada ranchangan² yang tidak begitu memuaskan hati, ada-lah di-sebabkan oleh kerana kawasan² yang berkenaan itu jauh daripada tempat² peserta itu duduk. Saya sedar bahawa ranchangan di-Gong itu peserta²-nya belum lagi masuk dalam ranchangan itu.

Seruan Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh supaya ranchangan² di-Gong dan sa-buah ranchangan lagi dalam kawasan-nya di-tanam dengan kelapa sawit dan bukan dengan getah, saya baharu sahaja menerima laporan ia-itu penyiasatan telah pun siap berkenaan dengan Sungai Gong dan sekarang Lembaga itu sedang menimbangkan sama ada akan menanam kelapa sawit atau pun tidak di-dalam kawasan itu. Menurut laporan tanah itu sesuai untuk tanam kelapa sawit, dan di-satu ranchangan lagi penyiasatan

sedang berjalan. Jikalau di-fikirkan kelak oleh Lembaga lebeh elok bagi ranchangan² itu di-tanam dengan kelapa sawit daripada getah, maka ini akan di-laksanankan dengan sharat kemudahan² yang lain boleh di-dapati berdekatan dengan tempat² itu.

Berkenaan dengan masaalah perhutanan, memang satu daripada tugas besar Jabatan Hutan ia-lah mengkaji mana satu jenis kayu yang baik yang boleh di-gunakan di-dalam negara kita untuk bangunan². Kalau saya tidak salah, lebeh daripada sa-tahun dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengistiharkan polisi Kerajaan, ia-itu dengan sa-berapa boleh-nya Bangunan² Kerajaan di-masa² yang akan datang akan menggunakan bahan² di-dalam negeri ini. Di-samping itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menerangkan di-sini bahawa satu daripada sebab²-nya, maka kayu² yang baik harus tidak dapat di-gunakan di-berapa bangunan ia-lah masaalah untuk satu² perbelanjaan-nya. Ada jenis kayu kita yang lebeh mahal jika di-gunakan untuk bangunan daripada menggunakan konkrit dalam negeri kita ini. Ini satu daripada faktor yang terpaksa di-kajikan lagi bagaimana chara-nya, kalau kayu² itu di-gunakan harga bangunan itu tidak lebeh daripada harga jikalau bangunan itu di-buat dengan chara konkrit.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara telah menyeru supaya beberapa Hutan Simpanan di-keluarkan dan di-benarkan kawasan² itu menjadi sawah. Saya tidak dapat memberi jaminan sekarang ini, Tuan Pengerusi; saya terpaksa membuat laporan dahulu daripada Pegawai Hutan yang berkenaan. Jikalau, mithal²-nya, memang benar tidak ada kegunaan sama sa-kali tempat itu di-jadikan Kawasan Simpanan, maka boleh-lah Jabatan yang berkenaan itu mengeluarkan kawasan itu daripada Kawasan Simpanan dan apa sahaja ranchangan yang Kerajaan Negeri hendak buat sa-telah itu Kerajaan Negeri-lah yang bertanggung-jawab.

Berhubung dengan masaalah untuk menjaga supaya tebing laut di-negeri Perlis tidak runtoh oleh kerana ayer,

sa-benar-nya dalam Kementerian saya tidak ada tanggung-jawab yang besar ini, tetapi bagaimana pun ini ada-lah masaalah negara dan saya terpaksa mengkaji masaalah ini dengan sa-chara mendalam lagi, dan kelak saya akan berhubung dengan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan keputusan perbincangan yang akan saya buat kelak. Sekolah bagi anak² Orang Asli memang telah banyak kita buat; kita sedar di-dalam kawasan pendalaman kebanyakan daripada guru² jikalau tidak semua-nya, tidak mempunyai latehan, atau pun tidak mempunyai tauliah, sebab-nya bukan Jabatan ini tidak mahu daripada guru² yang bertauliah. Kita pada masa ini bukan sahaja di-Sekolah orang² Asli bahkan di-sekolah² yang lain dalam Negeri² Malaysia kita ada lagi guru² yang tidak di-lateh, guru yang tidak bertauliah. Jadi, susah sa-kali kita akan mendapat guru² yang bertauliah yang mahu, atau pun yang sanggup berkhidmat di-kawasan pendalaman di-kalangan Orang² Asli. Sedangkan untuk menukarkan sa-orang guru daripada satu tempat ka-satu tempat yang lain pun begitu susah, jangan-lah lagi untuk mendapat sa-orang guru yang bertauliah dan di-tempatkan di-tengah² Negeri Pahang yang tidak mempunyai apa² kemudahan pun. Bagaimana pun memang menjadi polisi Kerajaan kita ia-itu segala usaha akan di-jalankan untuk memberi pelajaran yang sempurna kepada anak² Orang Asli saperti juga anak² lain dalam negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah bertanya apa-kah terjadi kepada ranchangan tanah yang telah di-beri kepada Pegawai² Polis yang telah bersara, kalau saya tidak salah. Ini-lah kali yang pertama-nya saya baharu mendapat tahu masaalah ini dan ini akan saya kajikan lagi apa yang telah terjadi kepada ranchangan itu.

Berkenaan dengan Ranchangan Tanah Tersepit, dia kata, saya tidak tahu-lah apa dia Ranchangan Tanah Tersepit itu, saya harap Ahli Yang Berhormat itu dapat berjumpa dengan saya dan memberi penjelasan kepada saya mengenai ranchangan ini dan

harus juga ini satu ranchangan yang baik; jikalau saya mengenai ranchangan ini dan harus juga Kementerian saya boleh menimbangkan-nya.

Tegoran² yang lain, Tuan Pengerusi, saya rasa jikalau perlu nanti akan saya beri jawapan dengan chara bertulis, dan jikalau perlu tindakan yang diambil itu saya akan mengambil tindakan dan mengambil ingatan di-masa² yang akan datang.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$950,000 untok Kepala 102, \$5,000,000 untok Kepala 127; \$354,186 untok Kepala 128; \$1,252,770 untok Kepala 130; \$999,957 untok Kepala 131; dan \$1,668,209 untok Kepala 132 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.40 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.50 pagi.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala² 103; 104 dan 105—

Tuan Pengerusi: Ada-lah masaalah bahawa perbelanjaan di-bawah Kepala 103; 104 dan 105, Anggaran Pembangunan bagi tahun 1968 hendak-lah di-luluskan, terbuka untok di-bahathkan sekarang.

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya mohon mengemukakan dengan sa-rentak Kepala 103; 104 dan 105 yang berjumlah keselurohan-nya sa-banyak \$19,941,040 bagi Jabatan² dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran untok di-luluskan dan menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala 103—

Berhubung dengan Kepala 103; Jabatan Radio, suka saya memberi penjelasan bahawa keperluan Jabatan ini ia-lah berjumlah \$18,491,336 bagi seluruh Malaysia, seperti berikut:

Malaysia Barat ... \$14,983,326

Malaysia Timor ... 3,508,010

Sekarang izinkan saya memberi penjelasan satu persatu di-bawah Kepala ini, mengikut butiran pechahan²-nya.

Pechahan-kepala 7—

Pejabat Stesen Memetek Siaran dan Rumah² Kediaman—\$272,612.

Ranchangan ini berupa bangunan² dan rumah yang baharu sahaja siap benaan-nya. Jumlah perbelanjaan ia-lah \$960,000 dan peruntokan yang di-minta tahun ini ia-lah untok menyelesaikan bayaran harga tanah yang maseh menunggu keputusan mahkamah, bayaran “retention fees” atas benaan bangunan dan juga bayaran alat² perkakas.

Pechahan-kepala 8—

Stesen Pemanchar dan Rumah² Kediaman Perkhidmatan Luar Negeri—\$141,000.

Projek ini telah di-selenggarakan dalam tahun 1967. Peruntokan yang di-minta bagi tahun ia-lah untok keperluan² membayar harga tanah dan membeli alat kelengkapan bagi stesen yang sama.

Pechahan-kepala 9—

Studio² Perkhidmatan Siaran ka-Sekolah²—\$15,000. Ranchangan ini siap dalam tahun 1967 dan studio² ini sudah pun di-gunakan sekarang, dan suka-lah saya menyatakan ia-itu jumlah peruntokan bagi menyelenggarakan projek ini ia-lah \$241,180. Hingga hari ini \$162,287 telah di-belanjakan. Wang sa-banyak \$63,893 telah di-selamatkan oleh kerana rendah-nya tawaran bangunan dan perkakas² dan peruntokan yang di-minta \$15,000 ini ia-lah untok menjelaskan bayaran alat² perkakas yang telah di-tempah tahun lalu.

Pechahan-kepala 10—

Stesen Pemancar dan Rumah² Kediaman Kuala Lipis—\$18,000.

Ini ada-lah satu projek pembangunan yang baharu dan peruntokan yang diminta ada-lah merupakan keperluan untuk membayar harga tanah bagi tapak stesen tersebut.

Pechahan-kepala 12—

Studio² dan Pejabat² Kuala Trengganu—\$359,174.

Ranchangan ini akan memakan belanja \$900,000 tetapi hingga 31hb Disember, 1967, peruntokan \$23,840 telah di-belanjakan. Ranchangan bangunan sedang di-selenggarakan pada tahun ini oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan peruntokan bagi tahun ini ada-lah di-kehendaki bagi membayar “progress payment” atas binaan bangunan tersebut.

Pechahan-kepala 13—

Kemajuan Perkhidmatan Luar—Kajang—\$55,500.

Ini ada-lah satu ranchangan pembangunan baharu yang sedang di-majukan dan 79 ekar tanah telah dibeli bagi tapak ranchangan ini. Dalam tahun ini peruntokan \$55,500 yang di-pohonkan itu ada-lah keperluan menyelenggarakan kerja² menyiapkan tapak termasuk menebas, menebang dan meratakan tapak serta membuat pagar.

Pechahan-kepala 14—

Pemancar² Baharu (Perkhidmatan Dalam Negeri) di-Kajang—\$350,000.

Peruntokan ini ada-lah di-kehendaki bagi membayar harga tanah yang diperlukan bagi ranchangan ini ia-itu satu ranchangan baharu, Jabatan Radio.

Pechahan-kepala 15—

Pemancar² Baharu—Johor Bahru—\$1,340,000.

Ini ada-lah satu lagi ranchangan baharu dan hingga hari ini kemajuan ranchangan ini merupakan persiapan tapak dan pelan² bangunan yang telah pun siap di-uruskan oleh pihak

Jabatan Kerja Raya dan hanya menunggukan permulaan binaan bangunan sahaja.

Tawaran alat² pemancar telah diterima dan di-luluskan, dan pada tahun 1968 ini peruntokan \$1,340,000 itu ada-lah di-minta bagi penyelenggaraan bangunan, dan pembayaran alat² perkakas tersebut termasuk kerja² memangsang-nya.

Pechahan-kepala 16—

Pusat Penyiaran Malaysia—\$10,650,000.

Di-bawah Pechahan-kepala ini suka-lah saya menerangkan bahawa ranchangan ini sudah-lah membuktikan kemajuan yang nyata berupa siap-nya 3 buah bangunan, yang di-beri nama “Angkasapuri”, ia-itu bangunan Bahagian Pentadbiran, Bangunan Talivishen dan Bangunan Kuasa Jentera di-Bukit Puteri. Ahli² Yang Berhormat telah ma’lum dan mungkin berpeluang sendiri menyaksikan pembukaan bangunan tersebut pada 17hb Februari, 1968 yang lalu.

Kerja² yang sedang di-selenggarakan sekarang termasuk-lah bangunan Jabatan Radio yang di-anggarkan akan siap dalam tahun 1969. Perbelanjaan berjumlah \$10,650,000 yang diminta itu ada-lah merupakan keperluan seperti berikut:

(a) Menyiapkan bangunan ...	\$3,768,570
(b) Alat ² perkakas perkhidmatan dalam ...	709,886
(c) Kelengkapan teknik ...	4,948,444
(d) Bayaran rundingan dan penyeliaan ...	223,100

Pechahan-kepala 18—

Pemancar² Kuasa Kuat di-Ipoh—\$200,000.

Ini ada-lah satu projek baharu dan perbelanjaan yang di-minta ini ada-lah bagi pembayaran harga tanah untuk tapak ranchangan tersebut, termasuk kerja² menyiapkan tapak bangunan.

Pechahan-kepala 20—

Tambahan Pemancar Gelombang Pendek (Dalam Negeri) Kajang—\$1,420,000.

Ranchangan ini berupa pembelian alat² pemancar dan sambongan bangunan. Peruntukan yang di-minta pada tahun 1968 ini ia-lah untuk membayar harga alat pemancar yang telah ditempah dalam tahun 1967 berharga \$1,100,000 dan baki-nya ada-lah dikehendaki bagi perbelanjaan bangunan tambahan dan kerja² memasang alat yang di-beli itu.

Pechahan²-kepala 41, 42, 43 dan 44—berjumlah \$1,461,000 ada-lah di-minta bagi ranchangan² di-negeri Sabah ia-itu seperti berikut:

- (a) Stesen Penerima Ranchangan di Kota Kinabalu—\$110,000—

Peruntukan ini ada-lah dikehendaki bagi menyelenggarakan bangunan² dan pembelian alat² perkakas.

- (b) Ranchangan Pemancaran di Sabah \$130,000—

Ranchangan ini merupakan penubohan 5 buah stesen² pemancar Medium Wave di-Tenom, Sandakan, Tawau, Kudat dan Lahat Datu. Peruntukan bagi tahun ini di-pohonkan untuk perbelanjaan² mendapatkan tanah, bangunan² dan pembelian alat² perkakas yang di-perlukan.

- (c) Stesen Pemancar Baru di-Kota Kinabalu—\$921,000—

Projek ini dalam penyelenggaraan dan di-jangka akan siap pada penghujung tahun 1969. Peruntukan yang di-minta ada-lah di-sebabkan perbelanjaan² benaan bangunan dan kelengkapan² teknik.

- (d) Tambahan Studio dan Pejabat di Kota Kinabalu—\$300,000—

Peruntukan ini di-perlukan bagi tambahan bangunan² yang ada juga bagi pembelian alat² teknik yang di-perlukan akibat kemajuan dalam perkhidmatan radio yang merupakan perubahan siaran² ka-sekolah² dalam tahun 1969 ia-itu satu ranchangan di-bawah First Malaysia Plan dan sa-lain daripada itu ada-lah juga di-sebabkan keadaan yang men-

desak menambahkan siaran² dalam berbagai² bahasa di-Sabah.

Pechahan²-kepala 62, 63, 64 dan 65 ia-lah merupakan perbelanjaan berjumlah \$2,047,010 bagi ranchangan² pembangunan di-Sarawak seperti berikut:

- (a) Peruntukan \$300,000 ada-lah di-sebabkan keperluan perbelanjaan membenakan tambahan kepada Rumah Penyiaran di-Kuching serta perbelanjaan membeli dan memasang perkakas.

- (b) Bagi menubuhkan Stesen Penyiaran di-Limbang, permohonan \$1,030,000 telah di-buat. Binaan bangunan sedang di-jalankan dan sa-lain daripada untuk bangunan, peruntukan ini juga ada-lah bagi membeli dan memasang alat² perkakas teknikal.

- (c) Peruntukan berjumlah \$517,000 ia-lah di-minta kerana membeli dan memasang alat² Pemancar Tambahan di-Stesen Stapok yang memerlukan alat² yang lebih lengkap.

- (d) Bagi Tambahan kelengkapan² Penyiaran Kawasan di-Sarawak, peruntukan \$200,000 di-minta, yang merupakan pembayaran harga tanah sahaja di-empat tempat, ia-itu di-Simbanggang, Sibul, Bintulu dan Kapit.

Kepala 104—Jabatan Talivishen—

Di-bawah Kepala ini peruntukan berjumlah \$549,704 di-minta bagi tahun ini dan keterangan² mengikut Pechahan²-kepala-nya ada-lah seperti berikut:

- (a) Pechahan-kepala 1—\$90,000—

Peruntukan ini ada-lah dikehendaki untuk pembelian alat perkakas memperoses filem bagi ranchangan Talivishen Kuala Lumpur.

- (b) Di-bawah Pechahan-kepala 2, peruntukan berjumlah \$90,000 di-pohonkan—

Oleh sebab perbelanjaan bangunan² dan peruntukan \$352,894 di-perlukan untuk

pembelian alat² teknik bagi kegunaan di-Gunong Tampin dan Keledang, ia-itu kedua²-nya bagi Ranchangan Talivishen Pantai Barat Malaysia.

- (c) Di-bawah Pechahan-kepala 3, peruntokan berjumlah \$16,810—

Ada-lah di-kehendaki bagi menyiapkan Ranchangan Perkhidmatan Talivishen ka-Kota Bharu.

Kepala 105—Jabatan Penerangan—

Akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala 105—Jabatan Penerangan, peruntokan pembangunan berjumlah \$900,000 ada-lah di-perlukan. Ini termasuk-lah ranchangan² bagi Jabatan Filem Negara. Keterangan mengikut pechahan² tertentu ada-lah seperti berikut:

- (a) Pechahan-kepala 1—

Bagi Studio² Filem Negara, Kuala Lumpur peruntokan \$678,552 di-masukkan untuk menyelesaikan bayaran² “professional” termasuk “retention fees” dan sa-bahagian daripadanya ada-lah untuk alat perkakas studio tersebut.

- (b) Pechahan-kepala 3—Yunit² Berkereta—\$25,000—

Ini ia-lah perbelanjaan bagi membeli dua buah kereta “mobile unit” bagi keperluan Jabatan ini.

- (c) Pechahan-kepala 4—

Peruntokan sa-banyak \$135,000 ini ada-lah untuk Pengeluaran Filem² Pembangunan. Perbelanjaan ini di-kehendaki bagi membuat filem² termasuk menyebarkan tayangan-nya di-seluruh negara.

- (d) Pechahan-kepala 5—

Ia-lah bagi ranchangan menu-buhkan 4 Pusat Penerangan di-Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat dan Machang, di-bawah Jabatan Penerangan dan peruntokan yang di-buat ia-lah \$41,448.

- (e) Pechahan-kepala 21—Pejabat serta rumah² di-Lundu, Sarawak—

Peruntokan berjumlah \$20,000 ini ia-lah bagi keperluan perbelanjaan membayar baki bayaran bangunan yang masih terhutang.

Demikian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian berchakap sa-patah dua dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini, sambil saya menyokong peruntokan bagi Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini, suka saya menarik perhatian sedikit sa-banyak berkenaan dengan pembangunan tersebut, ia-itu berkenaan dengan penerangan di-muka surat 11, Pechahan²-kepala 1 sa-hingga 5 sa-kali gus supaya tidak payah saya mengulang²kan balek bagi membuang masa Tuan Pengerusi. Dalam kita mendirikan Pejabat² Penerangan di-tiap² negeri suka saya memberi penerangan ia-itu pada negeri² yang menuju ka-arrah kemajuan, Pejabat Penerangan ini hendak-lah di-lengkapkan dengan sa-buah theatre, atau panggong di-mana boleh di-tunjokkan gambar² pembangunan Malaysia yang telah terchapai dan yang akan di-chapai dan mengedukatekan penuntun² yang berehat sambil melihat wayang gambar. Tuan Pengerusi, saya fikir dalam kita mendirikan Pejabat² Penerangan di-peringkat negeri², buat permulaan hendak-lah di-buat satu theatre kecil. Ini perlu, Tuan Pengerusi, kerana kebanyakan penerangan melalui filem Kerajaan di-tunjokkan di-luar bandar, kalau tidak salah saya. Jadi, dalam bandar telah tertinggal dan banyak yang terpesong fikiran-nya, ia-itu fikiran² yang mengandongi ideology yang salah pembawaan-nya dan hinggalah berlaku perkara² yang tidak di-ingini. Jadi, saya harap-lah dapat Pejabat² Penerangan yang akan didirikan ini di-ikhtiarkan juga sa-buah theatre kecil bagi menjalankan khidmat penerangan-nya kepada ra'ayat jelata. Saya lihat panggong² wayang gambar private ini kebanyakan-nya jarang² hendak menayangkan filem² keluaran Kerajaan-nya sendiri. kerana dia lebih menchari untong dari segi penayangan-nya, maka seperti dia

utamakan filem advertisement daripada filem² keluaran filem negara kita. Dengan ada-nya terbenas Pejabat² Penerangan ini lengkap dengan sa-buah theatre kecil, maka lengkap-lah sedikit alat penerangan kita kepada ra'ayat jelata. Sekian, terima kasih.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim-Bandar Bharu): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap dalam muka 9, Kepala 103, Pechahan-kepala 19—Ipoh High Power Transmitters. Tuan Pengerusi, saya memberi sokongan dengan sa-penoh-nya di-atas anggaran perbelanjaan yang di-buat oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Tuan Pengerusi, dalam menguatkan station itu di-kawasan saya, kita boleh dapat mendengar station dari Pulau Pinang dari medium wave 450 meter, tetapi baharu² ini saya dapat tahu sa-masa kita mengadakan pertandingan membaca Kur'an antarabangsa, di-dalam kawasan saya penduduk² orang² Islam yang sangat suka mendengar-nya melalui radio tetapi dari gelombang 450 meter itu, ada satu station lain yang sangat kuat mengachaukan dalam gelombang 450 meter itu. Saya pun tahun sedikit dalam hal radio, saya sendiri pun membuka radio dan sa-benar-nya ada berlaku. Saya mengambil peluang ini memberi tahu kepada Menteri yang berkenaan atau engineer itu, saya harap dapat di-siasat atau pun supaya di-naikkan 450 medium wave station di-Pulau Pinang itu supaya penduduk² dalam kawasan saya di-Kulim Bandar Bharu boleh dapat mendengar dengan lebeh baik lagi. Saya harap Menteri yang berkenaan supaya mengambil ingatan di-atas perkara ini.

Dan lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam muka 11, Pechahan-kepala 4—Production of Development Film. Tuan Pengerusi, saya sokong penoh dan saya berharap supaya di-keluarkan filem itu seperti mana kita pakai automatic telephone, di-buat satu filem dan di-tunjokkan kepada penduduk² di-luar bandar, dan saya harap dapat di-buatkan dalam Bahasa Kebangsaan, dan saya tahu ada sa-buah filem yang di-buat dalam Bahasa Inggeris, tetapi kebanyakan penduduk² di-luar bandar

mereka itu tidak faham bahasa Inggeris. Saya harap-lah supaya di-buatkan satu di-dalam Bahasa Kebangsaan yang elok dan jikalau boleh kita buatkan seperti filem kesihatan macham mana menggunakan jamban, atau perkara² yang berhubung dengan kesihatan; maka dengan ini-lah saya mengambil peluang dan saya berharap peruntukan sa-banyak \$135,000 untuk Production of Development Film, boleh memberi faedah kepada semua kawasan² di-luar bandar di-Malaysia ini. Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Kam Woon Wah (Sitiawan) *(dengan izin):* Mr Chairman, Sir, I am in support of the amount asked for under these Development Estimates for Television and Radio. However, I have something to say under Head 104, Television and Head 105, Sub-head 4, production of Development Film.

Sir, I remember that I stood here some time ago and questioned the Honourable Minister for Information and Broadcasting why a favourite film called "Ah Chong and Ramasamy" was suddenly taken off the programme, and the Minister's reply was that a certain section of the people was not quite happy with it—about the way in which our National language was spoken. Sir, I do not agree and I do not accept that that is a satisfactory explanation, because in our multi-racial society, it is inevitable that whatever film is produced, there is bound to be some criticism by certain sections of the people. Why I say this, Sir, is this: that film was viewed by many people in this country, and I would say that all full-blooded, 100% Malaysians did not view the film with any derogatory intention because I feel that what was shown truly and correctly brought out the true Malaysian way of life, the true Malaysian way of the older generation when they speak the National language. Sir, I think that should be cherished, because that will show in years to come that that is a part of our Malaysian culture, our Malaysian tradition. Why should, just because a few persons disagree or criticise, the Honourable Minister should take the film off the programme? In fact, I must compliment

the Honourable Minister that lately he has been very fair in the allocation of the time for various films and, in fact, he has gone back to the original by producing films where all our major races take part and share the happy occasions together. For instance, during the Hari Raya festival the Chinese and Indians went to our Malay friends' houses and shared in their joy. Similarly, during the Chinese New Year you find Malay and Indian friends coming to the Chinese houses. I think that is a good thing and it must be preserved and encouraged, because that is a part of our Malaysian life.

Sir, we live in a society where, independently of Television, social and moral values have been questioned. Conventions have crumbled and beliefs have been abandoned. It is a situation in which we must, if we are honest, continually ask ourselves how much, and how we should live and behave; how much of the past tradition is mere convention to be scrapped and how much is of value to be cherished. A great public medium like Television cannot ignore what is going on in the society to which it addresses itself. It must handle the themes and problems thrown out by that society, especially our multi-racial society. It must reflect the debate, which fortunately goes on in it, even if it may give pains to some viewers or listeners to hear their own cherished views and beliefs questioned. It is not easy to operate in these circumstances. The frontiers are marked, for tastes and levels of acceptability are constantly changing. Inevitably the broadcasting and television organisations make mistakes, but we have to accept that, because as the saying goes "To err is human".

Sir, I seriously implore the Honourable Minister not to accept the views of a few who are feeling that they are the victims of some monstrous conspiracy. They shout freedom, yet they demand acceptance, and they find it intolerable that someone should question it.

Sir, I speak here as a full-blooded Malaysian, and I find that Television, as well as Radio, has a very important

part to play in our new and young Nation, which is only ten years old. I would go along—all the way—with the Ministry that all programmes, however they are made, must be made with the sole theme that all races must share and be like brothers in the same country. Do not segregate them but try, if possible to oblige all communities. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit di-bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Ada dua tiga perkara sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sebutkan dengan sa-berapa rengkas-nya.

Yang pertama ia-lah berkenaan dengan pemancar² Radio dan Talivishen. Tidak ada pemancar bagi Talivishen di-Pantai Timor, tetapi Talivishen-nya di-kenakan bayaran sama dengan tempat² yang lain, gambar²-nya tidak terang, bayaran-nya sama. Jadi, tentu-lah tidak adil bayaran yang sa-macam ini. Saya menhadangkan kepada Kerajaan supaya di-tempat² yang tidak ada pemancharan itu, maka bayaran-nya kalau tidak saparoh pun jangan sama dengan tempat² yang ada yang dapat gambar² yang chantek.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan radio di-Pantai Timor. Saya berasa sukachita sedikit ia-itu siaran-nya bersifat terlampau kepartian, ya'ani menceritakan parti UMNO, orang itu, orang ini, tetapi parti PAS langsung tidak di-cheritakan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala dan Pechahan-kepala berapa-kah Ahli Yang Berhormat itu berchakap?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak berchakap dalam polisi, saya menyentuh atas Kementerian ini yang mana ada dua tiga perkara yang saya hendak berchakap, ia-itu di-bawah Kepala 103 yang mana kita boleh pilih mana² satu, tetapi di-bawah Kepala itu terang, Tuan Pengerusi.

Yang ketiga-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan ranchangan² Siaran Daerah di-Kelantan itu menceritakan pembukaan Chawangan² UMNO dan juga Ketua² UMNO datang melawat. Jadi, kita tidak mahu yang sa-macam ini. Tuan Pengerusi, saya bukan tidak mahu Kerajaan menggunakan Talivishen dan Radio itu sa-bagai alat negara, tetapi menggunakan atas nama parti itu menjadi satu contoh kepada orang² yang akan datang dan pelawat² dari luar negeri pun apabila datang ka-sini mereka menegor perkara² yang sa-macam itu, kechualih-lah. . . .

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Untuk penjelasan, sa-panjang yang saya dengar Siaran Tempatan di-Kota Bharu di-siarkan ucapan Menteri² dan lawatan Menteri² termasuk Menteri Besar PAS Kelantan, tetapi kalau Menteri Besar PAS Kelantan jarang² beruchap, itu bukan salah Radio Kota Bharu, hal UMNO tidak pernah ke-dengaran ada di-siarkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya menceritakan apa yang saya tahu. Kalau Ahli itu tahu berlainan maka dia berhak-lah berchakap, dia tidak patut mengganggu saya. Jadi, biar-lah dia lapang dada dan lapang segala²-nya dan tidak patut menerkam begitu. Saya katakan yang ini ia-lah kerana saya perchaya, Tuan Pengerusi, pun kalau pergi ka-negeri Kelantan akan dapati keadaan² yang sa-macam ini, tentu-lah menyedehkan. Apa kata kalau tahun 1969 parti lain pula memerintah? Kami akan memerintah dan kami gunakan macham itu juga tentu-lah negara kita ini tidak elok.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya dapati rumah radio complex, saya pergi tengok chantek sangat dan saya tanya shield yang macham sudu itu harga-nya \$600 lebeh kurang. Jadi, saya mengshorkan kepada Kerajaan supaya chepat² di-adakan dasar commercial bagi talivishen supaya kita dapat kewangan untuk menambahkan pendapatan negara kita. Saya tidak boleh berchakap banyak dalam perkara ini kerana ini dalam satu Jawatan-kuasa, dan saya tidak mahu pula hendak memechahkan privilege itu;

tetapi ada benda yang di-ketahui oleh orang² lain yang termasuk dalam paper begitu bagini yang saya boleh saya rasa, Tuan Pengerusi, dalam perkara ia-itu Rumah Talivishen kita ini boleh di-katakan terbaik sa-kali di-dalam Tenggara Asia; saya telah pergi melawat dan saya perchaya Rumah Talivishen ini yang terbaik sa-kali. Saya dapati dalam itu ada alat² yang konon-nya tidak boleh di-buat di-dalam negara kita dan mesti-lah di-beli daripada negeri² lain. Saya hairan saya tengok bangku dan kerusi² itu boleh di-buat dalam negara kita. Jadi, saya minta-lah Kementerian ini walau pun ia hendak membuat elok, tetapi ia boleh menchari barang² buatan dalam negeri ini. Dengan demikian perusahaan negeri ini boleh maju dan orang di-sini pun boleh menchari makan dengan jalan itu.

Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya dapat menceritakan sa-pintas lalu—jangan pula saya tidak berchakap langsung, kerana yang sa-betul-nya, Tuan Pengerusi, pun tidak beri berchakap banyak².

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh Kepala 103, ia-itu tentang Jabatan Radio. Pada masa sekarang ini kita ternampak Jabatan Radio kita maseh lagi menumpang di-Rumah Persekutuan, tetapi mengikut apa yang kita tahu bahwa jabatan Radio ini akan berpindah ka-Angkasapuri dalam masa yang tidak berapa lama lagi, kalau alat² yang di-perlukan itu telah dapat di-pesan dan telah dapat di-sediakan. Apa yang menarek perhatian saya dalam soal radio ini, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan pemancar yang saya tahu di-dalam negeri kita ini terlalu banyak station² Radio; ada di-Ipoh, ada di-Pulau Pinang dan ada di-beberapa tempat lagi yang di-gunakan sa-bagai station² kecil yang guna-nya meliputi kawasan² yang tertentu. Mithal-nya, di-Kota Bharu kita mempunyai pemancar yang tersendiri untuk Pantai Timor dan nampak-nya telah banyak ada perubahan² timbul daripada station kecil ini oleh kerana perkembangan² di-tiap² daerah yang di-liputi oleh

penyiaran station tempatan ini telah dapat di-siarkan dengan serta-merta, dan apa² yang berlaku di-dalam kawasan itu telah dapat di-ketahui oleh orang ramai. Sa-bagai sa-buah station kecil macham di-Kota Bharu bagi kawasan Pantai Timor, yang sa-bentar tadi Ahli Yang Berhormat dari Bachok ada menyentoh kata-nya selalu di-gunakan oleh parti. Saya pernah juga ka-Pantai Timor dan mendengar apa yang di-siarkan oleh Radio Malaysia di-Kota Bharu, dan keterangan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu tidak berasas dan boleh-lah saya katakan kalau UMNO menggunakan station pemancar itu, maka adalah satu tuduhan yang bohong sa-mata², yang Ahli Yang Berhormat itu tidak patut membuat tuduhan di-dalam Dewan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, kita tidak berkata yang UMNO yang menggunakan Radio itu. Saya katakan ranchangan² itu memuatkan berita² UMNO. Ini hendak beri orang² UMNO marah kepada saya. Orang² UMNO banyak hendak masuk PAS sekarang.

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Pengerusi, sa-bentar tadi dia kata UMNO menggunakan alat Kerajaan, dan kalau parti lain berkuasa besok, dia kata boleh jadi chontoh, boleh gunakan juga. Jadi, dia tuduh UMNO menggunakan itu, betul atau tidak? Ada-kah dia tarek balek chakap itu?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya tidak pernah berkata macham itu. Saya tidak akan tarek balek.

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu membuat satu tuduhan dan kemudian tidak bertanggung-jawab di-dalam Dewan ini dan saya sendiri menyatakan, Tuan Pengerusi, mengikut pendapat saya dan apa yang saya tahu di-Station Radio di-Kota Bharu itu tidak pernah di-gunakan oleh UMNO tetapi pernah menyiarkan ucapan² dari pemimpin² termasuk-lah pemimpin² UMNO yang sa-chara kebetulan-nya sa-bagai Menteri, umpama-nya Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak

sa-bagai Menteri, Yang Berhormat Enche' Khir Johari dan Yang Berhormat Menteri² yang lain yang pernah berucap di-tempat itu di-siarkan oleh station di-Kota Bharu. Bagitu juga Yang Berhormat Menteri Besar, Negeri Kelantan, bukan di-pandang dari segi orang PAS tetapi dia Menteri Besar, Kelantan, ucapan-nya itu berguna dan di-siarkan. Jadi, tidak-lah boleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan siaran² radic di-Kota Bharu itu telah menyiarkan berita² UMNO, itu palsu dan tidak berasas.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak menarek perhatian lagi tentang Jabatan Radio ini ia-lah pemancar² yang saya rasa kuasa-nya terlalu kecil, di-Kota Bharu, mithal-nya, kuasa-nya itu tidak sampai ka-Kuala Trengganu. Kalau sampai pun ka-Kuala Trengganu, siaran-nya sudah berkachau banyak sangat di-tengah jalan yang tidak berapa terang kedengaran. Saya minta supaya pemancar² itu biar-lah besar sedikit sa-hingga kita di-Malaysia Barat ini dapat mengikut perkembangan di-siap tempa² itu, mithal-nya, kalau kita tidak suka mendengar siaran kebangsaan, kita hendak mendengar apa yang berlaku di-Pulau Pinang, kita boleh mengambil siaran Pulau Pinang, kalau kita tidak suka Pulau Pinang, kita boleh ambil di-Kota Bharu, atau di-Johor Bahru atau di-Melaka yang mempunyai siaran² tempatan dan ini berhajatkan barangkali kepada pemancar yang agak besar kekuatan-nya. Saya minta kepada Menteri ini, supaya alat² pemancar yang lebeh besar kekuatan-nya itu dapat di-gunakan dan dapat di-pesan supaya sa-tiap negeri kita ini dapat mengikuti perkembangan² yang ada di-tempat itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan talivishen. Talivishen kita sekarang ini telah pun maju kahadapan sa-kali pun di-beberapa tempat di-Malaysia Barat ini maseh tidak dapat menekmati penyiaran talivishen, mithal-nya di-beberapa tempat di-Pahang belum lagi dapat menekmati talivishen, dan saya rasa di-Bachok pun ada nampak talivishen itu samar² sedikit, tetapi Alhamdullillah dapat-lah juga Ahli Yang

Berhormat dari Bachok itu menghilangkan penat sedikit menengok siaran² talivishen. Dan kalau dia dapat menekmati itu dia kena bayar-lah lesen talivishen itu sama dengan orang lain, \$24 juga, dan tidak dapat-lah kita rasanya hendak mengechualikan Ahli Yang Berhormat dari Bachok bayar kurang sedikit, kerana tidak berapa terang menengok itu tidak kena-lah macham itu. Malah, Tuan Pengerusi, banyak orang yang mempunyai peti² talivishen sekarang ini yang tidak membayar lesen-nya, macham di-kampung² di-mana tidak ada bekalan lektrik. Sekarang ini, ada satu jenis enjin kechil buatan Jepon, Honda mithal-nya, dia boleh beli dengan harga \$40 sa-bulan dan dia telah dapat menekmati siaran talivishen dengan baik-nya dan mereka itu banyak yang tidak membayar lesen talivishen. Saya rasa penyiaran talivishen sekarang telah mendapat perhatian oleh kebanyakan ra'ayat di-Malaysia ini, chuma saya minta Yang Berhormat Menteri memperbaiki lagi siaran² talivishen ini terutama sa-kali sa-bagai alat ra'ayat memahami Bahasa Kebangsaan, mithal-nya, maka lebeh baik—ada baik-nya filem² yang dimasukkan atau yang di-tayangkan melalui talivishen itu di-dabingkan ka-dalam Bahasa Kebangsaan, bahasa China, mithal-nya. ka-dalam Bahasa Kebangsaan, bahasa Inggeris, ka-dalam Bahasa Kebangsaan, saperti mana pernah orang² lain membuat-nya, ia-itu daripada bahasa Jepun ka-bahasa Inggeris, daripada bahasa Inggeris ka-bahasa Arab, daripada bahasa Arab kapada bahasa Melayu; dan dengan demikian saya rasa alat talivishen ini dapat memberikan galakan kapada penuntun²-nya mempelajari Bahasa Kebangsaan itu melalui talivishen.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh tentang soal penerangan. Saya tengok alat² yang di-gunakan oleh Jabatan Penerangan ini sudah banyak yang lapok saperti van, alat² projector dan lain² lagi itu sudah patut di-kondem dan tidak patut di-gunakan lagi oleh Jabatan ini, tetapi Jabatan ini maseh lagi menggunakan alat² yang kuno saperti itu. Kalau sa-kira-nya Jabatan Penerangan merupakan satu alat atau

lidah daripada Kerajaan kapada ra'ayat, maka alat² yang di-gunakan oleh Jabatan ini mesti-lah yang agak moden sedikit, macham land rover yang di-gunakan-nya itu, tidak usah-lah land rover zaman perang dunia yang kedua. Masa sekarang ini kita tengok land rover itu kasehan sangat, tidak up-to-date, sebab itu saya minta supaya di-beli kereta² khas untuk Jabatan Penerangan, tidak usah-lah saki-baki land rover daripada Jabatan Kerja Raya yang tidak berguna, dua tiga hari boleh pechah mesin enjin itu di-serahkan kapada Jabatan Penerangan. Untuk menyelenggarakan-nya lebeh banyak belanja daripada membeli sa-buah kereta yang baharu, sebab itu saya minta sa-lain daripada Jabatan ini mesti mempunyai kereta² yang baik, maka perlu juga mempunyai motor² bot yang baik, sebab dalam kawasan saya mithal-nya terpaksa melalui sungai. Motor bot-nya itu kadang² sudah tidak boleh berjalan kerana sudah rosak atau pun sudah lama sangat di-pakai dengan tidak di-ganti². Itu sebab saya katakan tadi Jabatan ini mustahak, dan pilehanraya kita tahun 1969 pun sudah dekat dan Jabatan Penerangan mesti masok ka-kampung² terutama sa-kali di-kawasan² luar bandar dan di-kawasan² dalam negeri Kelantan, kawasan Bachok terutama-nya supaya mereka itu dapat di-beri faham. Jangan-lah sampai di-kelirukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tentang keikhlasan Kerajaan untuk membena masharakat ra'ayat negeri ini, dan kalau tidak ada alat² itu maka akan dapat-lah ra'ayat di-negeri Kelantan, terutama di-kawasan Bachok itu di-kelirukan oleh orang yang suka mengelirukan, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Bachok, yang kata-nya tadi dia kata bagini, dan kemudian dia napikan chakap dia dalam masa dan satu nafas, sebab itu-lah saya minta Menteri ini, kalau dapat, adakan-lah alat² penerangan itu dengan chara yang baik, kereta² yang baik, alat² yang baik supaya kita dapat memberi penjelasan yang baik kapada ra'ayat dan supaya jangan dapat di-kelirukan ra'ayat itu dengan fikiran² yang jahat dan yang tidak bertanggung-jawab saperti Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan bagi Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini dan saya hendak memberi pandangan atas satu atau dua perkara sahaja.

Perkara yang pertama di-bawah Kepala 104, Pechahan-kepala 3, Mengembang Perkhidmatan Talivishen ka-sabahagian Pantai Timor. Dewan ini telah di-beri tahu dalam perbincangan Belanjawan pada tahun ini bahawa perkhidmatan talivishen ka-Pantai Timor. Yang sa-benar-nya, Pantai Timor ini sa-bahagian sahaja, kerana Kelantan sudah dapat talivishen walau pun barangkali kurang memuaskan, ia-itu ka-Pahang dan ka-Trengganu pada penghujung tahun 1968. Barangkali orang² Pantai Timor sangat sukachita atas pengishtihran daripada Yang Berhormat Menteri Penerangan atas perkara ini. Tuan Pengerusi, saya telah chuba menyiasat dengan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom dalam perkara ini, siapa yang menjalankan kerja mengadakan microwave station untuk memanjangkan perkhidmatan talivishen ka-Pantai Timor ini. Apa saya dapati ada-lah agak berlainan sedikit, Tuan Pengerusi, ia-itu menurut pihak Talikom bahawa perkhidmatan talivishen ka-Pantai Timor ini tidak boleh sempurna dan Microwave Station ini tidak akan siap melainkan pada akhir tahun 1969.

Saya harap akan mendapat pene-gasan dalam Dewan ini pada hari ini bahawa ada-kah sa-betul-nya pihak Kementerian Penerangan sudah membuat ketentuan memberi keutamaan supaya tetap pengishtihran talivishen akan sampai ka-Pahang dan ka-Trengganu pada hujung tahun 1968 ini dan tidak pada hujung tahun 1969 sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh pihak² yang bertanggung-jawab dalam Pejabat Talikom. Jikalau sa-benar-nya bagini, maka kami telah dua tiga kali-lah menerima penanggoan ini, kerana pada mula-nya di-katakan talivishen akan sampai pada tahun ini dan begitu juga dahulu, dua tiga tahun dahulu, tetapi belum juga sampai tahun 1967 ini, kata-nya tahun 1968 pula. Jikalau benar-lah perkara ini memang akan sampai juga ka-Pantai Timor ia-

itu ka-Kelantan dan ka-Trengganu pada tahun 1968 ini, saya harap dapat penegasan yang tegas dan tidak berganjak² lagi daripada Kementerian Penerangan; perkara yang sa-betul-nya perkhidmatan talivishen ini akan sampai ka-Pantai Timor pada penghujung tahun 1968 ini. Saya rasa chukup-lah ra'ayat di-Pantai Timor ini tertunggu², ternanti² macham menunggu² dan menanti² buah yang tidak gugur, biar-lah dia gugur juga pada penghujung tahun 1968 ini.

Berhubung dengan mengembangkan Ranchangan Talivishen ka-Pantai Barat dan ka-Pantai Timor ini, saya suka hendak memberi pandangan sedikit atas ranchangan² talivishen sa-takat yang saya rasa patut di-beri pandangan, ia-itu sa-tengah² bahagian bukan semua—sa-tengah² bahagian Ranchangan Talivishen ini kadang² ter-lalu berhaluan bebas sedikit. Saya harap dapat di-kawal chara perjalanan ranchangan² ini supaya kadang² tidak sesuai dengan dasar Kerajaan dan tidak memberi embarrassment kepada Kerajaan. Saya beri chontoh, baharu² ini pada masa sa-belum lawatan President Marcos ka-Malaysia ini, ranchangan "Minggu ini" telah mengadakan suatu perbincangan dalam talivishen tentang perkara yang bersangkutan paut dengan Filipina, dan di-timbulkan dalam perbincangan ini soal tuntutan Filipina ka-atas Sabah. Padahal, Tuan Pengerusi, perkara ini sengaja di-elakkan lebeh² awal lagi antara kedua negara, baik President Marcos mahu pun pihak berkuasa kita di-Malaysia ini bahawa soal Sabah itu tidak akan di-bangkitkan dalam masa lawatan President Marcos itu. Tetapi bila di-tunjukkan dalam program talivishen, maka dengan sendiri-nya saya merasa ada sedikit memberi embarrass kepada Kerajaan kita yang sedang menunggu² kedatangan lawatan sa-orang sahabat kita yang rapat, ia-itu President Marcos dari Filipina, yang beliau sendiri sengaja hendak mengelakkan daripada membahatkan perkara ini untuk menjaga perhubungan yang baik antara kedua buah negara.

Jadi, perkara² yang saperti ini, Tuan Pengerusi, saya rasa kita harus beri

kawalan yang sedikit rapi supaya tidak terpelencong kepada haluan yang agak bebas sedikit dalam sa-tengah² ranchangan talivishen itu.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentoh sedikit ia-lah menyokong Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak berhabit dengan Kepala 105, Pechahan-kepala 3—Unit² Berkereta. Peruntukan pada tahun ini sa-banyak \$25,000 untuk dua buah Mobile Unit sahaja—saya terkejut, Tuan Pengerusi, itu pun untuk Pantai Timor sahaja. Jadi di-tempat² lain tidak dapat. Kalau untuk Pantai Timor hanya dua buah Mobile Unit baharu hendak di-beli, saya rasa untuk Pantai Timor sa-kurang²-nya bukan dua, tetapi dua puluh yang baharu. Kebanyakan-nya yang di-hantar ka-sana sa-panjang yang di-ketahui ia-lah Unit² Berkereta yang agak burok sedikit hantar ka-Pantai Timor. Jadi di-sana kita mendapat Unit² Berkereta pun tidak begitu sempurna, dan perjalanan di-Pantai Timor pun tidak-lah seperti jalan² di-Pantai Barat, dan macham² perkara yang di-rasai oleh Pantai Timor. Jadi saya minta supaya di-kaji sa-mula perkara penambahan Unit² Berkereta ini. Saya harap bukan dua buah, 20 atau 40 buah lagi Unit Berkereta di-perlukan oleh Pejabat Penerangan bagi seluroh Malaysia ini, ia-itu Malaysia Barat dan juga Malaysia Timor. Sekurang²-nya 40 atau 50 Unit Berkereta yang baharu, kerana dari pengalaman saya sudah di-katakan dalam Dewan ini berkali², dua tiga kali sudah saya berchakap hal Unit² Berkereta ini. Unit² yang ada ini sa-paroh daripada-nya telah berumur antara 10 atau 12 atau 15 tahun yang kalau di-hantar dan keluar daripada workshop dia akan lebeh rosak lagi daripada sa-belum dia di-hantar ka-wokshop. Ini-lah yang menjadikan gendala ranchangan² dan pro-grem² Pejabat Penerangan. Padahal saya katakan dalam tahun 1968 ini ia-lah tahun hendak menjalankan pilehan-nya, macham² hasutan masuk ka-kampung, macham² di'ayah dan dusta yang mengelirukan masuk ka-kampung. Parti² Pembangkang yang tidak bertanggung-jawab pun mengambil peluang seperti Parti² Pembangkang yang ada pada hari ini di-sabalah Pantai Timor. Dia chari segala perkara untuk

di-pusing²kan dan bermacam² perkara itu sa-hingga keliru, kemudian ra'ayat perlukan penerangan daripada pihak Kerajaan dan kereta² penerangan kita tidak cukup untuk masuk ka-kampung².

Jadi, ini-lah saya berharap sangat bahawa peruntukan bagi Unit Berkereta baharu ini di-tambah dan di-kaji samula supaya tidak hanya dua buah sahaja di-beli, kerana pada seluroh tahun ini sangat penting dan mustahak bagi masa hadapan negara kita ini.

Perkara yang akhir, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh ia-lah soal Pusat Penyiaran Malaysia ini yang telah dibuka dengan rasmi-nya baharu² ini dan kita pun turut sama² bermegah atas kemegahan, keagongan dan keindahan bangunan itu. Saya chuma hendak tanya satu perkara kecil sangat, Tuan Pengerusi, yang telah mula terlintas dalam ingatan saya tentang nama Angkasapuri. Saya rasa entah daripada mana, apa erti-nya Angkasapuri ini, saya minta di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri atau Menteri Muda menerangkan apa-kah erti-nya Angkasapuri ini. Kalau maksud yang sa-benar-nya di-katakan bangunan atau Kota Angkasa, saya rasa nama-nya yang sesuai ia-lah Angkasapura, bukan Angkasapuri. Sebutan-nya pun lebeh sedap, lebeh nyaman dan tidak boleh di-pusing² lagi. Angkasapura. Saya bukan ahli bahasa yang tahu sangat tentang erti bahasa yang dalam², tetapi saya rasa nama itu saya hendak tahu apa erti-nya, kerana sa-panjang pengalaman saya yang sengkati ini, saya rasa nama yang sa-elok²-nya ia-lah Angkasapura.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson): *(dengan izin):* Mr Chairman, Sir, I speak under Head 103, Sub-head 16 (vi)—Consultancy and Supervision—\$223,100. This item has appeared several times in these Estimates and it is felt that some system of paying for consultation and supervision should be evolved so that a firm or the individuals who do the supervision are not paid according to the amount of money on the projects. It had been felt on several occasions, Sir, that if the amount can

be increased by 50%, then the supervision fee also increases by 50%. In other words, Sir, the supervising firm or the consulting people are not interested in saving the taxpayers' money. I would suggest to the Ministry, Sir, which is a very efficient Ministry, to consult the local experts, not foreign experts. We have a lot of people in this country—economists—who should be able to give us a system whereby we pay a fixed amount for a particular job and the consulting people who take over the duty will supervise and give us all the advice on the amount and that amount is pre-fixed and it does not float up as they increase the amount of money that is to be spent.

Secondly, Sir, I would like to comment a little bit on what my colleague, the Honourable Member for Sitiawan, has said about television programmes. I would call them the M.I.C. Programmes, not meaning the Malayan Indian Congress of course, but Malay, Indian and Chinese (*Laughter*)—the initials are the same—M.I.C., it also means the Alliance Party. As my Honourable colleague has said, and I would agree with him, those programmes did not bring any party or any of our people into contempt. They also did not ridicule anybody. I would be against any programme or any step taken by anybody, that brings any group of people or any individual into contempt or ridicule. That programme brought us humour and, as my learned friend has said, those characters spoke as many of our people speak; I agree with him again when he said that in a few years' time that language, perhaps, could be erased and it will be more or less a "museum" piece. Our young boys and girls are studying the National language in schools and I am confident that within a matter of from five to ten years, the National language that they speak would be as good as the people of this country, because they would be studying under the same tutors and in the same schools. Therefore, Sir, I would support this "M.I.C. Programme" and I would suggest that it be re-introduced.

Speaking next, Sir, on Head 104—Television,—sub-head 1, Test Survey, I see that under this item no amount has been mentioned. I have no idea whether the Ministry is sure or not what the survey would cost, but I do hope that as the people in South Malaya and Johore have the privilege of seeing television programmes both of Malaysia and Singapore, we, the people of North Malaya could also be given the same privilege of being able to see the television programmes of Malaysia and Singapore. I do not know how much that will cost. Unless the cost is very, very high, I hope the Ministry would be able to take some action on this matter.

Mention had previously been made about licences. I know I am slightly off the point here, but I will just speak that in two lines. It has often been mentioned that there is a suspicion that many of our citizens use television sets without paying the due licence fees. I think that could easily be plugged by making it compulsory on the part of the dealers that before a television set is sold to a customer, he produces a licence from the appropriate authorities and then I am sure there should be no further trouble.

Speaking on the programmes, Sir, I do feel that 10 minutes allowed for the news item and the same period given for "*Dunia di-sana sini*" is rather too short. I do hope that it will be possible for the Ministry to increase the time allotted for these two items. Again, Sir, the reporting on the sittings of Parliament, where several Members speak, is also too short. It does not give a fair chance to the officers in charge of the programme to be able to give a correct picture of what has taken place during the proceedings of the day.

Speaking next on Head 105, Sub-head 1—Film Unit Studios, Kuala Lumpur—\$678,552, it has been suggested in this House, and accepted by the Ministry, that the film studios would be available to any private or small organisations that would like to produce any films which are thought to be helpful to the country. We are not aware, Sir, whether this privilege has been made use of by

any local organisations and we would also like to know what assistance the Ministry would be able to give to these people. I hope the Ministry would even go out of the way to help those organisations that would like to make any films locally.

Speaking further again on Information, Sir, it was mentioned in this House earlier that when the National Anthem is played some of our citizens do not pay due respect, and I do hope that the Information Department and the Television Section would be able to make some small films that would show to the citizens that they should take it as a matter of pride in paying respect to the National Anthem of the country. Thank you.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir:

Tuan Pengerusi, sa-benar-nya saya sendiri bukan-lah Menteri Muda yang menjaga hal ehwal penerangan ini, sebab itu tidak-lah dapat saya hendak memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimana pun, saya chuba-lah mengemukakan pandangan² yang di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat itu kepada Menteri yang berkenaan. Chuma satu sahaja yang saya suka menarek perhatian dalam perkara talivishen ini, ia-itu banyak pandangan² supaya diperbesarkan progreem dan di-luluskan lagi siaran dan sa-bagai-nya. Jadi, dengan sebab itu-lah jikalau Ahli² Yang Berhormat ada mengikuti ucapan Menteri, kalau saya tidak silap, Menteri yang berkenaan ada memberitahu akan membuka satu channel tidak berapa lama lagi. Jadi, kalau sudah ada dua

channel itu dapat-lah mithal-nya, progreem² Persidangan Dewan Parlimen, Dunia di-Sana Sini, Pertandingan Koran dan lain² itu di-keluarkan dalam satu channel.

Berkenaan dengan perkara pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara berkenaan dengan talivishen di-Pantai Timor itu, perkara ini juga saya akan mengambil perhatian berat, kerana saya sendiri pun sa-bagai yang di-ketahu² datang daripada kawasan itu juga, boleh-lah saya mendapat penegasan daripada Menteri yang berkenaan berthabit dengan kekeliruan yang di-bangkitkan kata-nya daripada ma'alumat daripada Talikom itu.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$18,491,336 untok Kepala 103; \$549,704 untok Kepala 104; \$900,000 untok Kepala 105 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1968.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:

Ahli² Yang Berhormat, saya suka mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, tahun 1968, telah sampai kepada Kepala 105.

Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 10 pagi, hari Ithnin, 26 haribulan Februari, 1968.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 1 petang.